

Jilid III
Bil. 47

Hari Khamis
1hb Disember, 1977



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5351]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Kelima) —

Jadual —

Kepala B. 24 [Ruangan 5383]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Kelima) —

Kepala P. 24 [Ruangan 5383]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR.
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN
DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S. P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI
ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K.
(Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
D.P.M.S., J.M.N. (F'uala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K.,
P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).

Yang Berhormat TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAB BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

Yang Berhormat TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).

- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK. O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENGGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.,
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K. A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu
Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 1hb Disember, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

METER AIR

1. **Wan Zainab binti M.A. Bakar** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar, bacaan meter air, 2 atau 3 bulan sekali pada waktu ini adalah menyusahkan orang ramai kerana mereka terpaksa membayar bil-bil air itu dengan jumlah yang besar dan ini menjadi kesusahan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil atas perkara ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada umumnya bacaan meter air dibuat satu kali sebulan melainkan di Negeri-negeri Selangor, Kedah dan Johor di mana bacaan dibuat 2 bulan sekali bagi bekalan air untuk kegunaan umum dan satu bulan sekali bagi kegunaan industri. Sepanjang yang saya faham, di negeri-negeri tersebut tidak ada masalah yang timbul berkenaan dengan pembayaran bil-bil air. Sekiranya seseorang itu menghadapi kesusahan untuk menjelaskan bil-bil air yang digunakan selama 2 bulan ia boleh berhubung dengan

pihak yang berkenaan supaya ia dapat menjelaskan bil-bil tersebut dengan cara ansuran sebanyak 2 kali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bacaan dua bulan sekali dibuat untuk menjimatkan belanja mengurus dan tenaga kerja.

PENGGUNAAN PERKATAAN "HALAL"

2. **Tuan Azharul Abidin bin Abdul Rahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau, demi menjaga kepentingan orang-orang Islam akan membuat peraturan supaya perkataan 'halal' yang terdapat pada tin-tin atau bungkusan-bungkusan makanan didaftarkan dengan nombor KPPnya selepas satu penyiasatan yang teliti dibuat dengan kerjasama Jabatan-jabatan Ugama Islam atau Bahagian Ugama Islam di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta keterangan apakah maksud atau makna 'nombor KPPnya'.

Tuan Azharul Abidin bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, KPP ialah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian seperti surat akhbar KDN (Kementerian Dalam Negeri).

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah untuk Jabatan-jabatan Ugama Islam menimbangkannya. Tetapi dari segi menjaga kepentingan orang-orang Islam, Majlis Hal Ehwal

Ugama Islam, telah meminta kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membuat satu Undang-undang yang memberikan taksiran halal mengenai penggunaan perkataan Halal. Undang-undang tersebut ialah Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahaasan Halal) 1975, di mana setiap perkataan Halal yang digunakan ke atas apa barangan sekalipun mestilah mematuhi kehendak-kehendak perintah tersebut. Di samping itu di atas permintaan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam, Kementerian ini juga telah mengadakan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975, yang memerlukan bahawa setiap daging-daging yang halal samada dibekalkan secara mentah, atau yang dimasak atau yang diawit dan pengawitan itu diperbuat di Malaysia, sebelum dibekalkan hendaklah terlebih dahulu disertakan dengan perkataan Halal.

Dengan adanya kedua-dua Perintah ini, maka bolehlah Kementerian ini mengambil tindakan perlu ke atas pelebelan-pelebelan yang menggunakan perkataan Halal yang tidak sebenarnya. Sekiranya pendaftaran hendak diadakan, maka ini akan menimbulkan masalah pelaksanaan kerana dengan adanya pendaftaran ini bermakna Kerajaan telah memberi kelulusan kepada pengguna-pengguna penandaan tersebut untuk menggunakan perkataan Halal dan tindakan di bawah perintah-perintah yang diperbuat tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Di dalam keadaan yang ada sekarang, Kementerian adalah bebas untuk mengambil tindakan ke atas sesiapa sahaja yang menyalahgunakan penggunaan perkataan Halal ini.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, demi menjaga kepentingan orang-orang Islam adakah Kementerian ini ber-cadang mengadakan satu undang-undang di mana barang-barang makanan yang mengandungi barang-barang yang haram misalnya, daging babi, lard ataupun liquor ditulis dengan terang di bungkusannya ataupun tin.

Datuk Seri Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan perkara yang sedemikian itu memanglah agaknya sukar sedikit. Tetapi setakat ini apa yang boleh saya sebutkan bahawa masalah makanan yang dianggap haram ini atau tidak halal ini yang termakan oleh orang-orang Islam, keadaannya itu sebagaimana yang ada pada Kementerian ini tidaklah begitu memberatkan. Selama ini kerjasama di antara Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam baikpun di Wilayah Persekutuan mahupun di Negeri-negeri dengan Kementerian ini mengenai pelaksanaan peraturan-peraturan penandaan perkataan "Halal" dan penandaan makanan ini adalah menggalakkan. Namun demikian, kita tentunya memerlukan kerjasama daripada orang ramai juga jika terdapat perkara-perkara yang dirasakan boleh meragukan kepentingan orang Islam sendiri. Kalau perkara-perkara yang khusus dapat dibawa ke pengetahuan Kementerian ini maka kita akan bersedia mengambil tindakan bagi menjaga setiap kepentingan tersebut.

PERHUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN NEGERI INDO-CHINA

3. **Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) samada beliau akan mengkaji untuk memperbaiki lagi perhubungan diplomatik dengan Negeri-negeri Indo-China dengan menghantar Utusan Parlimen semua Parti yang termasuk Ketua Pembangkang;
- (ii) samada beliau akan membuat peraturan bagi Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri melawat Indo-China atas perbelanjaan mereka sendiri; dan
- (iii) jumlah orang Malaysia, tidak termasuk kakitangan diplomatik yang sekarang terkandas di Indo-China.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul

Rahman): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab:

- (i) Perhubungan di antara Malaysia dan Negara-negara Indo-China adalah memuaskan. Di dalam dua tahun ini perhubungan Malaysia dengan Kam-puchea, Laos dan Vietnam telah bertambah baik disebabkan pertukaran lawatan-lawatan di antara pemimpin-pemimpin negara-negara tersebut dengan pemimpin-pemimpin negara kita sendiri. Kerajaan kita percaya lawatan sebegitu akan memberi kesempatan untuk kita bertukar-tukar fikiran dan untuk kita memahami dengan lebih baik lagi di antara satu sama lain. Kementerian saya sentiasa mengkaji dari semua kesan untuk mempereratkan lagi perhubungan diplomatik dengan negara ini termasuklah juga apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.
- (ii) Lawatan Ahli-ahli Parlimen seperti yang disebut oleh Yang Berhormat itu adalah di dalam perhatian saya dan boleh ditimbang dari masa ke semasa.
- (iii) Mengikut apa yang diketahui seorang warganegara Malaysia telah diberitakan oleh keluarganya telah pergi ke Vietnam dan seorang lagi telah pergi ke Demokratik Kampuchea pada awal tahun 1975 dan tidak ada apa-apa berita telah diterima dari kedua-dua mereka. Langkah yang sesuai telah diambil untuk mengesan mereka tetapi hingga sekarang pihak kita belum mendapat apa-apa berita.

PENGANGGURAN

4. **Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar masih terdapat penganggur di dalam negara ini; jika sedar, berapa peratuskah penganggur yang terdapat di

dalam negara ini mengikut negeri-negeri dan bagaimana cara beliau mengatasi keadaan tersebut.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa pengangguran masih terdapat di negara ini. Masalah ini juga dihadapi oleh semua negara di seluruh dunia samada negara-negara yang telah maju maupun negara yang sedang membangun.

Angka sebenar bagi kadar pengangguran memang susah didapati walau bagaimanapun mengikut kajian yang dibuat oleh Yunit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, pengangguran pada bulan September 1977 ialah 299,200 iaitu lebih kurang 6.6% daripada jumlah tenaga buruh.

Peratus pengangguran mengikut negeri-negeri tidak dapat diberi dengan tepat akan tetapi mengikut kajian tersebut, kadar pengangguran tersebut secara purata di antara 6% hingga 7%.

Masalah pengangguran memanglah di-pandang berat oleh Kerajaan. Kerajaan telah menguntukkan perbelanjaan berjuta-juta ringgit untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dalam mana lebih kurang 743,000 pekerjaan baru dijangka akan dapat diadakan.

Di samping itu Kementerian saya pula mengambil beberapa langkah penting untuk meringankan masalah pengangguran iaitu dengan cara mendaftar pencari-pencari kerja dan berusaha mendapatkan pekerjaan-pekerjaan kepada mereka. Untuk makluman Yang Berhormat pada tahun lepas, Kementerian saya telah berjaya menempatkan semai 38,070 pencari-pencari kerja yang mendaftar dengan pejabat-pejabat pekerjaan di bawah jajaan Kementerian saya.

Kementerian saya juga memberi khidmat latihan perindustrian dalam berbagai-bagai

bidang ketukangan seperti yang terdapat di Instituti-institusi Latihan Perindustrian Kuala Lumpur dan Prai dan latihan ini adalah bertujuan melengkapi tenaga kerja dengan kemahiran-kemahiran tertentu untuk memudahkan pelatih-pelatih mendapat pekerjaan setelah mereka tamat menjalani latihan di samping memenuhi keperluan tenaga mahir negara.

IMPOT-IMPOT DARI NEGARA ASEAN

5. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian iaitu memandangkan kenyataan yang dibuat baru-baru ini oleh Menteri Luar Negeri Jepun bahawa memberi keistimewaan khas ke atas impot-impot kepada Negara-negara ASEAN ialah bertentangan dengan dasar atau polisi Negeri Jepun. Bagaimanakah dapat Kerajaan kita memohon Kerajaan Jepun melonggarkan sekatan-sekatan cukai ke atas barangan-barangan pengeluaran kita seperti yang dinyatakan baru-baru ini.

Datuk Seri Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa Negara Jepun memberi keistimewaan khas ke atas impot-impot dari Negara-negara ASEAN adalah bertentangan dengan dasar atau polisi Negeri Jepun. Walau bagaimanapun, memandangkan kepada hubungan kerjasama yang rapat di antara Jepun dan ASEAN, Jepun telah menyatakan kesediannya untuk memberi kemudahan-kemudahan di dalam meninggalkan eksport ASEAN ke negara itu melalui beberapa langkah termasuk pelonggaran atau penghapusan sekatan tarif dan bukan tarif. Pelonggaran ke atas sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif yang akan dibuat itu akan berasaskan kepada sekatan-sekatan diskriminasi yang dikenakan ke atas eksport-eksport Negara-negara ASEAN ke Jepun.

PERBADANAN ANTARABANGSA MENDAPATKAN IBU PEJABAT

6. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan berkenaan

dengan pengumuman beliau melalui alat-alat sebaran am di negara ini baru-baru ini bahawa beliau akan menubuhkan satu yunit khas untuk mengendalikan permohonan-permohonan dari perbadanan-perbadanan antarabangsa bagi mendapatkan tempat (ibu pejabat) di Malaysia. Sebagaimana difahamkan bahawa pada masa ini maupun di masa-masa yang lalu yunit seumpama ini memang telah ada di Ibu Pejabat Imigresen Malaysia di Kuala Lumpur yang mengendalikan segala permohonan-permohonan pas kerja, pas lawatan dan lain-lain permit. Yunit ini juga memberikan kemudahan yang sama kepada perbadanan-perbadanan antarabangsa yang dikendalikan bersama oleh beberapa buah Kementerian yang dinamakan "The Standing Committee of Officials on Malayanisation in Commerce and Industry" (Jawatankuasa Pegawai-pegawai untuk Kewarganegaraan Dalam Perdagangan dan Perindustrian). Oleh yang demikian, adalah lebih baik jika anggota-anggota yunit yang ada ini diperkemas dan diubahsuaikan sahaja dengan menambah kakitangan yang lebih berpengalaman dalam menguruskan permohonan-permohonan dari perbadanan-perbadanan antarabangsa dengan ini akan dapat menjimatkan perbelanjaan negara.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pada masa sekarang memang telah ada Jawatankuasa Pegawai-pegawai untuk Pewarganegaraan Dalam Perdagangan dan Perindustrian yang mengendalikan segala permohonan-permohonan pas kerja, pas lawatan dan lain-lain permit kerja. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa tersebut tidaklah begitu lengkap untuk menimbangkan permohonan-permohonan daripada perbadanan-perbadanan antarabangsa bagi menubuhkan ibu pejabatnya di Malaysia, kerana penubuhan perbadanan-perbadanan antarabangsa bukanlah hanya melibatkan pas kerja sahaja, tetapi melibatkan perkara-perkara lain yang mesti diteliti dengan mendalam seperti perkara cukai dan kemudahan-kemudahan lain. Pada masa sekarang, yunit yang dicadangkan

itu telahpun sedia ada di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Unit ini akan bertanggungjawab untuk menyelaraskan segala permohonan perbadanan antarabangsa dengan Jabatan-jabatan lain yang berkenaan, seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Jabatan Talikom dan lain-lain, di mana berkenaan. Dengan hal yang demikian, Kerajaan tidaklah dikehendaki membuat perbelanjaan tambahan.

TAMBANG KAPALTERBANG MAS

7. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah langkah yang sedang diambil untuk menurunkan tambang kapalterbang bagi penerbangan dalam negeri oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada langkah yang sedang diambil oleh MAS untuk menurunkan tambang kapalterbang bagi penerbangan dalam negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, semenjak tahun 1974 MAS telah menaikkan tambang sebanyak 2 kali sahaja iaitu sebanyak 10% dalam tahun 1974 dan sekali lagi sebanyak 15% dalam tahun 1976. Sebaliknya, harga minyak sahaja telah naik sebanyak 285% semenjak tahun 1974.

IJAZAH PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA (MBBS)

8. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan pengiktirafan ijazah perubatan dari Universiti Malaya iaitu MBBS oleh Lembaga Perubatan Awam di United Kingdom memandangkan bahawa Lembaga tersebut akan terus mengiktiraf ijazah tersebut bagi selama lima tahun lagi.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, sebahagian soalan ini telah dijawab kepada Ahli Yang

Berhormat dari Seremban pada 16hb. November, 1977. Rombongan Majlis Perubatan Umum telah memperakukan kepada Majlisnya bahawa Universiti Malaya sekarang terus memberikan pendidikan perubatan yang tinggi standardnya dan bahawa siswazahnya sesuai untuk pendaftaran penuh di United Kingdom. Diperakukan juga bahawa Majlis Perubatan Umum mengiktirafkan ijazah perubatan universiti untuk lima tahun lagi di mana pada akhir tempoh ini suatu kajian lanjut akan dibuat oleh kerana dasar Majlis Perubatan Umum ialah untuk mengkaji dari semasa ke semasa ijazah perubatan sekolah perubatan di Britain dan seberang laut.

Saya perlu tegaskan bahawa pengiktirafan tidak selalunya membawa kebaikan kepada kita. Ramai yang ingin diiktiraf bertujuan secara langsung atau tidak langsung berhijrah untuk bekerja di luar negeri. Ini bermakna mereka mengguna perbelanjaan yang tinggi untuk kepentingan negeri lain yang sudahpun mempunyai doktor yang banyak. Bagi kita pengiktirafan cuma berguna untuk post-graduate studies. Sehingga kini dan untuk lima tahun lagi siswazah kita boleh meneruskan ke peringkat post-graduate jika tempat ada di luar negeri.

Universiti Malaya masih lagi mengkaji laporan Majlis Perubatan Umum. Sehingga pandangan Universiti didapati, Kementerian ini tidaklah boleh menyatakan apakah langkah yang Kerajaan harus diambil untuk memastikan pengiktirafan masa akan datang bagi ijazah perubatan universiti.

PENEROKA RANCANGAN FELDA

9. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menerangkan:—

- (a) jumlah bilangan calun yang hendak menjadi peneroka FELDA yang telah ditemuduga dan berjaya dipilih, tetapi masih belum diberi tempat sehingga hari ini, dari tiap-tiap Negeri; dan

- (b) jumlah ekar luas kawasan tanah yang telah didapati dari Kerajaan-kerajaan Negeri untuk rancangan FELDA yang masih belum lagi diperuntukkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada 15hb. Oktober, 1977 bilangan calun yang telah dipilih menjadi peneroka dan menunggu memasuki rancangan-rancangan FELDA adalah seramai 12,230 orang seperti pecahan mengikut Negeri di bawah ini:—

Negeri	Bilangan Calun Yang Berjaya
1. Pulau Pinang	8
2. Kedah	863
3. Perak	2,833
4. Selangor	699
5. Negeri Sembilan	994
6. Melaka	330
7. Johor	3,821
8. Pahang	61
9. Kelantan	1,305
10. Trengganu	1,316
	Jumlah: 12,230

- (b) Pada masa ini luas kawasan tanah yang telah didapati dari Kerajaan-kerajaan Negeri untuk rancangan FELDA yang belum diberikan kepada peneroka ialah lebih kurang 412,000 ekar. Kawasan tersebut adalah dalam beberapa peringkat kemajuan dan peneroka akan dibawa masuk sebaik sahaja kawasan perkampungan, termasuk kemudahan infrastruktur, disediakan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan, dengan adanya 412,000 ekar tanah di seluruh Malaysia yang sudahpun didapati daripada Negeri-negeri dan dengan adanya pemohon yang menunggu seramai 12,230 orang yang telah berjaya, ini bermakna kalau tiap-tiap seorang 10 ekar diberi meng-

ikut dasar FELDA akan memakan masa yang begitu panjang baharu semuanya dapat dilayani. Dari itu, apakah langkah-langkah yang akan dibuat oleh Kementerian yang berkenaan untuk merundingkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dengan secara serious supaya lebih banyak lagi tanah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada FELDA.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya rancangan FELDA memasukkan peneroka-peneroka bukanlah berdasarkan kepada 412,000 ekar itu sahaja, itu ialah luas ekar tanah yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada FELDA yang akan dibukanya. Hari ini FELDA menguntukkan hanya 10 ekar sahaja pada seorang peneroka. Jadi kalau dibandingkan dengan 412,000 ekar tanah maka ini bermakna hampir-hampir 41,000 lagi peneroka boleh masuk. Ini menunjukkan ramai lagi peneroka-peneroka yang akan diambil tetapi setakat ini peneroka yang berjaya 12,230 itupun belum dapat dimasukkan keseluruhannya oleh sebab keadaan-keadaan kemajuan seperti yang saya katakan tadi infrastrukturnya belum siap. Jadi, tidak ada masalah kebimbangan, masalah kurang tanah pada peneroka-peneroka yang hendak dibawa masuk ke dalam rancangan FELDA.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Memandangkan begitu banyak peneroka yang masih menunggu, tidakkah Kementerian ini bercadang untuk memasukkan setengah daripadanya ke rancangan-rancangan reserve FELDA yang ada di beberapa rancangan sekarang. Dan juga di lot-lot kosong di rancangan-rancangan yang telah lama diterokai yang masih kekosongan dan tidak diisi oleh peneroka.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang FELDA ada membuat rancangan seperti itu dan dalam tahun 1977 ini sahaja hampir-hampir 4,000 peneroka telah dibawa masuk pada tempat-tempat yang sudah siap dirancangkan yang mana tempat-tempat yang boleh dimasuki,

bermakna bukanlah 12,230 ini tinggal begitu sahaja dengan tidak bergerak angkanya.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab begitu ramainya pemohon-pemohon yang menunggu, saya ingin bertanya, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula jumlah ekar yang diberi pada tiap-tiap peserta FELDA, sebagaimana dikatakan tadi ialah 10 ekar bagi seorang. Sebab, setahu saya keadaan ini pernah dikaji beberapa kali. Yang saya hendak tahu, adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula bagi mengurangkan ekar yang diberikan itu kepada 8 ekar umpamanya.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian tidak bercadang hendak mengaku semasa kurang atau lebih daripada 10 ekar, kerana 10 ekar itu dianggap menasabah mengikut nasihat daripada pakar bank dunia apabila diselaraskan dengan wang yang dipinjam daripada bank dunia. Pada masa ini Kementerian tidak bercadang hendak mengurangkan atau hendak melebihi daripada 10 ekar itu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada soalan tambahan saya beliau mengatakan bahawa masalahnya tidak timbul berkenaan dengan kekurangan tanah. Masalahnya ialah infrakstruktur belum lagi dibuat. Saya hendak tahu sebab-sebab mengapa infrakstruktur itu tidak dapat dibuat, adakah kerana kurang alat, kurang pegawai atau kurang wang?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti kita faham satu-satu rancangan pembangunan itu mestilah tidak dapat dibuat sekali gus, mestilah beransur-ansur dan untuk menampung 12,230 orang seperti saya katakan tadi Kementerian sedang menjalankan rancangan membawa masuk dalam tahun 1977 hampir 4,000 orang. Ini menunjukkan bahawa infrakstruktur itupun berjalan, tetapi untuk memenuhi kesemua keadaan itu, terpaksa menunggu satu blok

perkampungan itu siap, baharulah kita bawa masuk. Apabila siap lagi, kita bawa masuk lagi. Kelambatan ini bergantung kepada kontraktor lambat menyediakan tanah atau menyediakan rumah seperti yang dijanjikan itu, air belum dapat dimasukkan dan tanah belum diteroka. Ini semua faktor-faktor yang boleh melambatkan rancangan itu siap.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Saya ingin tahu bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan beritahu Dewan ini, anggarannya, saya tidak minta angka yang tepat, bilakah Kementerian ini dapat menyelesaikan pemohon-pemohon seramai 12,230 yang sedang menunggu itu, ertinya dalam jangka berapa tahun ataupun bila.

Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi jawapan di dalam Dewan ini iaitu angka 12,230 orang itu kita anggar akan dapat ditempatkan selewat-lewatnya dalam tahun 1979.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Soalan tambahan. Masalahnya mengapakah FELDA ini masih membuka tanah-tanah baharu di merata-rata tempat sedangkan banyak lagi kawasan-kawasan kosong, lot-lot kosong di dalam rancangan yang ada tetapi tidak dapat diteroka kerana kekurangan rumah, mengapa tidak disiapkan rumah-rumah dahulu untuk menempatkan peneroka menunggu tetapi asyik membuka tanah-tanah yang baharu, itu yang saya hendak ketahui.

Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya daripada segi physical development pembangunan ladang yang dibuat oleh FELDA menerusi kontraktor-kontraktor kita adalah lebih ahead daripada pembangunan infrastruktur. Jadi, segala rumah-rumah dan infrastruktur lain itu adalah kita beri kepada kontraktor-kontraktor yang telah menenderkan projek-projek ini dan didapati beberapa kontraktor adalah lambat dalam menyiapkan rumah-rumah itu. Jadi, kelambatan itu tidaklah dapat kita salahkan kepada

pihak FELDA. Bahkan FELDA sentiasa mendesak pihak pemborong menyiapkan rumah-rumah dalam masa yang ditentukan.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan masaalah kontrektor. Ini saya hendak beri contoh misalannya di Bukit Tajau yang telah diterokai berpuluh tahun, juga FELDA Kampung New Zealand yang telah diterokai berpuluh tahun, tetapi rumahnya masih belum siap, masih belum ada sedangkan lot-lot kosong itu ada. Adakah ini masaalah kontrektor juga sampai berpuluh tahun?

Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, di dalam beberapa rancangan FELDA memang ada kawasan-kawasan yang kosong. Saya beri satu contoh satu kawasan di Johor di dalam rancangan itu ada 206 ekar yang dimiliki oleh FELDA. Tetapi dalam kawasan ini ada didapati, umpamanya, pokok getah yang tidak mencukupi dan difikir oleh FELDA tidak ekonomik dan tidak adil diberi kepada peneroka.

JEMAAH HAJI PERGI KE MEKAH

10. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan:—

- (a) Adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa sekarang semua Jemaah Haji akan pergi ke Mekah dengan kapalterbang, mereka ini akan naik kapalterbang di Lapanganterbang Subang, pada hal Jemaah Haji tahun-tahun yang lalu yang pergi dengan kapal laut mereka boleh naik kapal di Pulau Pinang bagi orang di utara Malaysia. Tidakkah Kementerian yang berkenaan bercadang akan berbuat demikian bagi bakal haji yang menggunakan kapalterbang; dan
- (b) adakah Kementerian yang berkenaan sedar, bahawa sekarang tambang kapalterbang ke Mekah terlalu tinggi dengan itu banyak orang (petani-petani) yang tidak dapat menunaikan

Fardhu Haji mereka. Tidakkah LUTH bercadang akan menurunkan tambang tersebut dengan mengadakan perundingan dengan Perbadanan Perkapalan Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa mulai tahun ini semua Jemaah Haji Malaysia telah pergi ke Mekah dengan kapalterbang dan telah menaiki kapalterbang di Lapanganterbang Subang .

Pengangkutan Jemaah Haji boleh juga dilakukan dengan Jemaah Haji menaiki kapalterbang di Lapanganterbang Bayan Lepas Pulau Pinang. Walaupun demikian, pelaksanaan mengangkut Jemaah Haji dari Lapanganterbang Bayan Lepas akan tertakluk kepada dua faktor:

- (i) Mesti mempunyai cukup bilangan Jemaah Haji untuk satu-satu Penerbangan yang hendak berlepas pada satu tarikh.
- (ii) Sanggup membayar tambang yang lebih daripada tambang yang dikenakan bagi sektor Kuala Lumpur/Jeddah/Kuala Lumpur.

Mengikut pihak Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) perbelanjaan tambahan terpaksa ditanggung sekiranya Penerbangan dimulakan dari Bayan Lepas untuk tujuan berikut:—

- (i) Bayaran mendarat (Landing Fee)
- (ii) Handling Fee
- (iii) Flying Hours
- (iv) Tambahan Bilangan Anak Kapal.

Pihak MAS terpaksa menyediakan dua kumpulan anak kapal (crew) bagi sektor Kuala Lumpur/Pulau Pinang/Kuala Lumpur (untuk kapal kosong) dan satu kumpulan lagi bagi sektor Pulau Pinang/Jeddah/Pulau Pinang. Ini adalah oleh kerana semua kapalterbang-kapalterbang MAS berpangkalan di Kuala Lumpur.

Tetapi bagi Jemaah Kapal Laut untuk tahun-tahun yang lalu masalah ini tidak timbul bagi mereka yang menaiki Kapal Laut di Pulau Pinang.

Pendekata, pihak Tabung Haji dan MAS boleh mengatur supaya Jemaah Haji dari Utara Malaysia menaiki kapal terbang dari Lapangan terbang Bayan Lepas Pulau Pinang ke Jeddah dan balik sekiranya bilangan Jemaah yang sanggup pergi pada satu tarikh, mencukupi bagi satu Penerbangan dan sanggup pula membayar tambang lebih daripada tambang biasa dari Kuala Lumpur/Jeddah/Kuala Lumpur.

Sekarang ini pihak MAS telah memberi tambang murah sebanyak 25% kurang daripada tambang biasa kepada Jemaah-jemaah Haji yang menaiki Kapal terbang dari Pulau Pinang atau dari mana-mana Lapangan terbang di Malaysia untuk ke Subang sebelum berangkat ke Jeddah. Cara ini telah mendapat sambutan baik oleh kebanyakan Jemaah.

Bagi menjawab bahagian (b) soalan Ahli Yang Berhormat itu saya suka memaklumkan di sini bahawa tambang yang dikenakan oleh pihak MAS/Tabung Haji kepada Jemaah Haji sebanyak M\$1,800.00 untuk sektor Kuala Lumpur/Jeddah/Kuala Lumpur merupakan tambang yang termurah.

Tambang Penerbangan biasa kadar yang ditentukan oleh I.A.T.A. (International Air Transport Association) bagi sektor Kuala Lumpur/Jeddah/Kuala Lumpur adalah sebanyak \$3,134.00 seorang. Tetapi ada didapati dua buah Syarikat Penerbangan yang mengenakan tambang tidak mengikut kadar I.A.T.A. Satu Syarikat Penerbangan iaitu Pakistan International Airlines mengenakan tambang sebanyak \$1,900.00 seorang bagi kumpulan yang berlebihan daripada 20 orang untuk satu-satu Penerbangan. Apabila sebuah lagi Syarikat Penerbangan iaitu China International Airlines mengenakan \$2,100.00 seorang bagi kumpulan yang lebih daripada 10

orang. Namun demikian tambang-tambang yang dikenakan itu adalah lebih tinggi daripada tambang yang dikenakan oleh pihak MAS/Tabung Haji kepada Jemaah-jemaah kita.

Tiap-tiap tahun sebelum Musim Haji pihak Tabung Haji dan MAS mengadakan perundingan bagi menetapkan tambang Jemaah Haji pada kadar yang rendah dan patut. Walau bagaimanapun, Tabung Haji telahpun menghubungi Syarikat Perkapalan Malaysia (MISC) dan Syarikat tersebut memaklumkan bahawa mereka tidak dapat mengadakan kapal bagi maksud Tabung Haji itu. Oleh kerana ini soal tambang tidaklah timbul lagi.

Mengenai perkhidmatan pengangkutan Jemaah Haji dengan kapal laut, pihak Lembaga Urusan Tabung Haji telah berikhtiar seperti dinyatakan tadi. Tetapi malangnya, MISC tidak dapat mengadakan kapal dengan demikian perkara merundingkan pihak perkapalan untuk menurunkan kadar harga tambang tidak timbul. Tentang murah mahalnya tambang kapal laut adalah berpandukan kepada banyaknya bilangan Jemaah Haji yang memohon. Jika sekiranya permohonan berkurangan bererti tambangnya mahal juga kerana kos penyelenggaraan terlalu tinggi bagi penggunaan penuh satu musim.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kami difahamkan samada betul atau tidak sebab-sebabnya tambang untuk mengangkut Jemaah-jemaah Haji ke Mekah ini tinggi ialah kerana pihak MAS terpaksa juga membayar cukai kepada Kerajaan Saudi tiap-tiap orang yang pergi ke Mekah. Tidakkah pihak Kerajaan kita boleh masuk campur dalam perkara ini terutama sekali Kementerian Luar Negeri supaya cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Saudi kepada kapal terbang yang mengangkut Jemaah-jemaah Haji ini dan sekiranya ini berjaya bolehkah atau tidak tambang yang dikenakan kepada Jemaah Haji sekarang dapat dikurangkan lagi?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, soal ini telah saya jelaskan tadi dan tidaklah ada timbul mengenai Kerajaan Saudi mengenakan apa-apa bayaran. Ini ialah hubungan di antara MAS dan Saudi Arabian Airlines mengenai landing rights. Walaupun begitu sukalah saya jelaskan kalau dibandingkan dengan kapal-kapal yang lain MAS telah mengenakan tambangnya yang lebih murah dan berpatutan sedangkan kadar yang telah ditetapkan oleh I.A.T.A. ialah \$3,000 lebih bagi tiap-tiap seorang jemaah. Jadi masalah untuk berikhtiar mengurangkan dan lain-lain itu ialah tanggungjawab Tabung Haji dari semasa ke semasa memang berusaha untuk memberi kemudahan dan mengurangkan apa-apa kos yang boleh dengan serendah-rendahnya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sebabnya tidak boleh Jemaah Haji naik di Bayan Lepas kalau tidak silap saya tidak cukup bilangan. Tidak bolehkah Kementerian yang berkenaan mengumumkan Jemaah-jemaah Haji yang ada di Utara Malaysia seperti Kedah, Perlis, Pulau Pinang pergi dengan satu kapalterbang dan jangan dibuat seperti hari ini iaitu ada Jemaah Haji daripada Perlis yang pergi penerbangan pertama, penerbangan kedua, ketiga dan sebagainya.

Yang kedua, apakah sebab yang pihak MAS tidak mahu berpangkalan di Bayan Lepas, adakah oleh sebab tidak cukup kapal-terbang ataupun juruteknik.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Jemaah Haji, sekiranya mencukupi jumlah sebuah kapalterbang, sepertimana yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, memanglah menjadi hasrat kepada MAS dan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk mengambil semua jemaah pada satu tempat. Tetapi keadaan yang sebenarnya sekarang ialah mengikut daftar bagi Jemaah-jemaah Haji itu sendiri, iaitu mereka memilih

penerbangan pertama, penerbangan kedua dan penerbangan ketiga. Jadi tidak mungkin- lah keadaan seperti itu boleh dilaksanakan, kerana tidak mencukupi bagi jumlah suatu penerbangan. Tetapi sekiranya keadaan seperti Yang Berhormat maklumkan tadi ada jumlah yang mencukupi seperti itu, maka tidak ada halangan pada masa yang akan datang untuk Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan MAS untuk mengambil Jemaah Haji dari Bayan Lepas. Dan masalah-masalah teknik yang lain tidak timbul di Bayan Lepas kerana lapangan terbang yang termoden di negara kita sekarang ialah Bayan Lepas.

KOPERASI PELADANG DESA

11. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan yang dicapai atas usaha Jabatannya menggalakkan peladang-peladang menjalankan perniagaan di kawasan desa. Adakah beliau berpuashati dengan kejayaan yang ada; jika tidak apakah tindakan yang akan diambil.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, kejayaan yang tercapai sekarang ialah lebih ramai petani-petani iaitu yang menjadi ahli-ahli koperasi peladang melibatkan diri dalam kegiatan perniagaan khususnya perniagaan tani. Petani-petani kecil lazimnya kurang kemampuan untuk mengendalikan perniagaan secara perseorangan kerana kekurangan modal, kemahiran teknik serta pengurusan yang baik.

Dengan menjadi ahli-ahli koperasi peladang mereka berpeluang mengambil bahagian dalam perniagaan tani dengan cara menanam modal. Keuntungan akan dapat dinikmati dalam bentuk dividen dan harga jualan yang lebih tinggi bagi hasil keluaran. Dalam bidang ini FAMA juga memainkan peranan yang penting. Sekiranya barang-barang yang diurusniagakan itu merupakan hasil-hasil pertanian yang tertakluk di bawah Rancangan Kawalan Pemasaran, maka keutamaan akan

diberi kepada koperasi peladang, pertubuhan-pertubuhan peladang lain dan peladang-peladang persendirian dengan mengeluarkan kepada mereka lesen-lesen jual beli hasil pertanian yang berkenaan. Sekiranya barang-barang yang diurusniagakan itu merupakan hasil-hasil pertanian secara am, FAMA membantu dengan memberikan maklumat-maklumat pasaran mengenai kedudukan pasaran, harga dan mendapatkan luang-luang pasaran (business contract).

Selain daripada itu, FAMA membeli hasil-hasil pertanian yang diurusniagakan oleh pengusaha-pengusaha daripada golongan peladang-peladang terutama membeli biji-biji kopi dan kelapa kering yang telah diproses oleh peladang-peladang sendiri.

Setakat ini saya berpuas hati dengan kejayaan yang ada. Walaupun begitu masih banyak lagi perlu dijalankan untuk memajukan Lapangan ini seperti menyediakan bantuan modal, kemahiran teknik, pengangkutan dan alat-alat pertanian kepada koperasi-koperasi peladang. Usaha juga diambil bagi menggalakkan lebih ramai lagi peladang-peladang menjadi ahli koperasi peladang serta menambah modal saham.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa sudah banyak peladang-peladang yang menjalankan perniagaan dalam kawasan-kawasan desa dan beliau telah menceritakan hal FAMA, LPP dan sebagainya. Saya ingin mendapat tahu adakah jawapan itu berpandu kepada dasar ataupun berpandu kepada angka-angka yang telah didapati ataupun yang telah terdapat di dalam Kementerian ini.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Berdasarkan angka yang didapati sekarang.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi

bahawa dividen-dividen telahpun dibayar kepada petani-petani yang memasuki koperasi peladang. Apa yang saya difahamkan ada ahli-ahli koperasi peladang yang menjadi ahli sudah dua tiga tahun sampai masa ini pun dividen dan bonos tahunan masih belum dibayar. Jadi nampaknya kepuasan hati daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu pada pihak peladang-peladang ataupun petani-petani belum puas. Jadi, bagaimana tindakan yang akan diambil.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Saya tidak tahu perkara ini sebenarnya ada berlaku atau tidak, tetapi walau bagaimanapun saya akan ambil perhatian supaya Kementerian saya ambil tindakan.

PERUNTUKAN MURID-MURID SEKOLAH RENDAH

12. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau bercadang menambah peruntukan bagi murid-murid sekolah rendah Kerajaan yang tinggal di asrama oleh kerana bantuan perbelanjaan yang diberi setiap bulan kepada mereka pada masa ini tidak mencukupi untuk perbelanjaan mereka.

Datuk Chan Siang Suni: Tuan Speaker, bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Kementerian Pelajaran tidak ada cadangan untuk menaikkan kadar peruntukan bantuan kewangan bagi asrama-asrama sekolah rendah.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sedang menimbangkan cadangan untuk menambah peruntukan bagi murid-murid sekolah rendah di Sarawak.

BALAI POLIS TANJONG KARANG

13. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa Balai Polis Tanjong

Karang adalah bangunan-bangunan lama dan dalam keadaan yang sangat uzur dan tidak sesuai lagi pada hari ini dan perlu digantikan baru. Jika ya, bilakah akan digantikan dengan bangunan baru.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang sedar atas perkara itu dan rancangan untuk menggantikan Balai Polis Tanjong Karang dengan sebuah Balai Polis yang baru telahpun dimasukkan dan diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Balai polis yang baru itu akan mengandungi 14 buah quarters dan dijangka dapat disiapkan sebelum tahun 1980.

LAPORAN JAWATANKUASA KABINET

14. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran membentangkan laporan Kabinet mengenai pelajaran kepada Parlimen untuk perbahasan penuh memandang terdapat beberapa kekurangan dalam sistem pelajaran yang ujud sekarang dan samada beliau sedar sebab utama terdapat pengaliran cerdekpandai dan exodus orang-orang profesional ialah kerana rasa tidak puashati serta kebimbangan mereka terhadap pelajaran anak-anak mereka.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai pelajaran akan dikemukakan kepada Kabinet oleh kerana Jawatankuasa ini bertanggungjawab terus kepada Kabinet. Selepas itu terpulanglah kepada Kabinet untuk menyusun sebarang tindakan seterusnya.

Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Sistem Pelajaran kita telah diterima secara keseluruhannya oleh sebahagian besar rakyat negara ini. Kerajaan telah melancarkan berbagai rancangan-rancangan bagi mewujudkan satu bangsa Malaysia yang harmoni dan bersatupadu. Sistem atau Dasar Pelajaran Kebangsaan ialah satu daripadanya, dari segi jangka panjang. Kita telah juga merancang Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan

hendak merapatkan jurang perbezaan di antara yang berada dengan yang tidak berada. Kita telah, sedang dan akan terus melancarkan Rancangan Pembangunan Negara yang kesemuanya bertujuan, tidak lain dan tidak bukan, untuk menyatupadukan rakyat, membasmi kemiskinan, menghapuskan pengenalan kaum mengikut jenis pekerjaan dan tempat tinggal.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, tertaklukkan kepada peraturan dan undang-undang, Kerajaan tidak boleh menahan mereka yang ingin meninggalkan negara ini ke daerah-daerah yang lebih subur — to greener pastures — untuk kepentingan diri masing-masing.

BEKALAN AIR KE KAMPUNG AWAT-AWAT

15. Tuan Racha Umong minta Menteri Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau akan menimbang membekalkan air paip atau mendirikan batang paip di kampung Awat-awat dan Kuala Lawas untuk kemudahan orang-orang di sana, dan jika ya, bila.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tidak ada rancangan untuk mengadakan bekalan air di Kampung Awat-awat dan bagi Kuala Lawas peruntukan 'token' sebanyak \$10 telah diberi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah dijangka projek bekalan air di Kuala Lawas akan dilaksanakan pada penghujung rancangan tersebut.

GURU-GURU BERIJAZAH

16. Datuk Loh Fook Yen minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau sedar akan kekurangan guru-guru berijazah dalam Perkhidmatan Pelajaran, dan jika ya, apa

tindakan-tindakan telah diambil supaya mengatasi kekurangan ini; dan

- (b) samada beliau faham bahawa satu bilangan besar permohonan untuk ke-masukan ke kursus-kursus Pelajaran Diploma dalam universiti-universiti tempatan telah ditolak, dan jika ya, nyatakan sebab-sebab mengapa.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker,

- (a) Saya telahpun menjawab soalan yang serupa ini semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Mantin di Dewan yang mulia ini pada 30hb Mac, 1977. Sila rujuk kepada jawapan saya itu.
- (b) Ya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempat yang dapat diadakan oleh universiti bagi kursus Diploma Pendidikan adalah terhad sedangkan bilangan pemohon meningkat tiap-tiap tahun. Tambahan pula sebahagian besar daripada pemohon-pemohon itu adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan yang tidak diperlukan sangat bagi pengajaran di sekolah-sekolah.

CUKAI LADA HITAM

17. Tuan Cheng Tiong Kai minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan menurunkan cukai eksport ke atas lada dan mengkaji semula kadar cukai lada sekarang ini untuk tahun 1978.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, soal-soal percukaian atas barangan utama negara termasuk lada hitam senantiasa dikaji oleh Kerajaan supaya sesuai dengan keadaan yang dihadapi oleh barangan tersebut. Walaupun struktur duti eksport lada hitam tidak dipinda di dalam Belanjawan 1978 baru-baru ini, ianya adalah dalam pertimbangan.

SIARAN AZAN ISYAK

18. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan memancarkan waktu Azan disiarkan TV Malaysia saluran 3 di Sabah dan Sarawak seperti yang terdapat di siaran TV di Semenanjung Malaysia. Jika ya, bila.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, untuk men-jelas soalan Ahli Yang Berhormat, siaran Azan Isyak semenangnya sudah disiarkan melalui siaran Nasional yang dapat diikuti di Sabah dan Sarawak. Siaran Nasional bermula dari jam 8.20 malam waktu Semenanjung dan 8.50 malam waktu Sabah dan Sarawak sedangkan Azan Maghrib telahpun disiarkan sebelumnya. Oleh itu Azan Maghrib tidak dapat diikuti oleh Sabah dan Sarawak. Mengenai cadangan siaran Azan di Saluran Tiga, sebenarnya waktu siaran di saluran 3 ini adalah terhad dan merumitkan penyusunan rancangan tambahan. Sungguhpun demikian perkara ini akan dikaji dengan lebih teliti lagi.

AMBULAN KEPADA MANGSA JAPAN AIRLINES

19. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Ke-sihatan menyatakan samada benar bahawa, seperti yang disiarkan dalam *Malay Mail* bertarikh 28hb September, 1977 Hospital Besar Kuala Lumpur telah menyiapkan segala per-sediaan dengan sebilangan besar ambulan pada jam 10.30 malam pada 27hb September, 1977 berikutan dengan nahas sebuah kapal-terbang DC-8 Syarikat Penerbangan Jepun penerbangan JAL 715 jatuh terhempas, tetapi ambulan yang pertama tidak tiba di tempat nahas hingga jam 2.00 pagi esok. Jika ini benar, bolehkah Menteri itu nyatakan sebab-sebab mengapa ambulan itu mengambil masa yang panjang baru tiba di tempat nahas itu sungguhpun tempat itu di Estet Elmina, Sungei Pelong, hanya enam batu dari La-panganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur

dan telah diketahui tempat nahas itu lebih awal lagi.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, laporan dalam *Malay Mail* itu tidak benar. Apa yang sebenarnya berlaku ialah ambulan yang pertama membawa mangsa dari tempat kemalangan udara Japan Airlines tiba balik di Hospital Besar lebih kurang jam 2.00 pagi pada 28hb September, 1977 bukannya tiba di tempat kemalangan itu sebagaimana diberitakan oleh akhbar tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan ini, dalam semua usaha-usaha berkaitan dengan sesuatu kemalangan udara, Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Universiti, Petaling Jaya bekerjasama dengan pihak Yunit Kemalangan Udara (Air Disaster Unit) yang ditempatkan di Lapanganterbang Subang. Yunit tersebut adalah diketuai oleh seorang pegawai perubatan lapanganterbang yang dikehendaki mengambil alih tanggungjawab ke atas semua ambulan-ambulan yang sampai ke situ. Beliau juga akan mengarahkan dan menggunakan semua kakitangan perubatan serta ambulan-ambulan mengikut keadaan dan keperluan pada ketika itu.

Biasanya, ambulan yang diarahkan oleh Ketua Yunit itu menuju ke tempat kejadian kemalangan udara bersama-sama dengan pasukan perubatan yang akan memberi pertolongan kecemasan dengan serta-merta kepada mangsa-mangsa yang terlibat sebelum membawa mereka ke Hospital yang berdekatan sekali. Mangsa-mangsa dalam kemalangan udara Japan Airlines di Ladang Elmina, Sungai Buloh telah diberi pertolongan kecemasan oleh pasukan perubatan dan kemudiannya dibawa ke hospital yang terdekat sekali iaitu di Pusat Mengawal Kusta Negara, Sungei Buloh dan selepas mendapat bantuan perubatan dari Pusat itu mereka dipindahkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur dan juga Hospital Universiti Petaling Jaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada hari yang tersebut doktor-doktor dan kakitangan-kakitangan hospital telah bekerja "round-the-clock" untuk memberi rawatan rapi kepada mangsa-mangsa yang luka parah.

Saya suka juga memaklumkan di sini iaitu pihak Hospital Besar telah menerima beberapa ucapan tahniah dan surat penghargaan daripada kedutaan Jepun, Japan Airlines dan juga daripada sahabat saya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, atas bantuan dan pertolongan yang cekap dan segera yang telah diberikan oleh semua pihak kakitangan Hospital Besar Kuala Lumpur kepada mangsa-mangsa nahas itu.

JEMAAH PENGURUS/PENTADBIRAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN

20. Tuan Tan Cheng Bee bertanya kepada Mentri Pelajaran samada Jemaah Pengurus atau Jemaah Pentadbir khasnya di Sekolah Jenis Kebangsaan dengan perlahan-lahan dilucutkan. Baru-baru ini satu Surat Pekeliling dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran pada semua sekolah-sekolah yang menyatakan cek yang bernilai kurang daripada \$10,000/- tiada perlu ditandatangani oleh Pengerusi Jemaah Pengurus atau seorang ahli jawatankuasa yang diberi kuasa untuk berbuat demikian. Adakah Menteri sedar ini adalah bertentangan dengan pengakuan yang diberikan oleh Perdana Menteri semasa beliau menjadi Menteri Pelajaran ketika beliau memperkenalkan Akta Pelajaran 1961 bahawa kuasa Jemaah Pengurus atau Jemaah Pentadbir akan kekal kecuali Jemaah Pengurus atau Jemaah Pentadbir tiada boleh melantik atau membuang ahli-ahli kakitangan sekolah.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini panjang sedikit jadi saya memohon menjawab panjang sedikit. Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran kepada semua sekolah-sekolah, yang menyatakan cek yang bernilai kurang daripada \$10,000/- tiada perlu ditandatangani oleh Pengerusi Jemaah Pengurus

atau seorang ahli Jawatankuasa yang diberi kuasa berbuat demikian, tidaklah bermaksud untuk melucutkan kuasa Jemaah Pengurus/Pentadbiran di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan. Tujuan Surat Pekeliling itu dikeluarkan adalah untuk menambah bilangan pegawai-pegawai yang boleh menandatangani cek tersebut dan memudahkan lagi pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan mengeluarkan pembayaran terutama di sekolah-sekolah di mana Pengerusi dan Ahli Jemaah Pengurus/Pentadbir Sekolah susah hendak dihubungi oleh kerana kebanyakan mereka terdiri dari orang-orang berniaga yang selalu keluar dari tempat kediaman mereka. Surat-surat Pekeliling di mana ternyata yang Jemaah Pengurus/Pentadbir Sekolah boleh menandatangani cek-cek masih berkuatkuasa, dan oleh yang demikian tindakan Kementerian ini adalah tidak bertentangan dengan peraturan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran dulu.

Walau bagaimanapun, perkara ini saya pun telah menjelaskan dalam satu kenyataan pada 4hb November, 1977 dan menyatakan bahawa sekiranya sekolah-sekolah tidak menghadapi masalah ini, peraturan ini tidaklah perlu diadakan. Kenyataan ini telah disampaikan kepada pihak sekolah-sekolah melalui Pengarah-pengarah negeri masing-masing.

BEKALAN PERUBATAN DI GUDANG-GUDANG

21. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan bahawa bekalan ubat-ubat adalah mencukupi di gudang-gudang ubat Kerajaan di luar bandar di Sarawak.

Setiasaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan Anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan bekalan-bekalan perubatan yang mencukupi dibekalkan di gudang-gudang ubat luar bandar,

Kementerian saya telahpun mengambil langkah-langkah seperti berikut:—

- (1) Mengkaji semula sistem pemusatan pembekalan ubat dengan membina lebih banyak stor-stor daerah dan dispensari untuk menyimpan bekalan-bekalan ubat. Kedudukan stok di stor-stor tersebut selalunya diteliti untuk memastikan bekalan yang mencukupi.
- (2) Menubuhkan makmal-makmal pengeluaran ubat di kebanyakan stor-stor bahagian untuk mengeluarkan bahan-bahan yang biasa digunakan di gudang-gudang ubat luar bandar.
- (3) Menugaskan kakitangan-kakitangan penyeliaan memeriksa pada masa-masa tertentu untuk menentukan bekalan-bekalan perubatan yang berterusan selalu dibekalkan.
- (4) Menggunakan perkhidmatan doktor udara untuk membantu dalam usaha membekalkan bekalan-bekalan ubat kepada kawasan-kawasan di mana perhubungan dan pengangkutan adalah sukar.

TAHANAN DI MAHKAMAH TINGGI

22. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa undang-undang yang berbunyi "keadilan bukan sahaja dijalankan tetapi mesti melihat keadilan tentu dijalankan". Jika benar, berikan sebab-sebab mengenai budak yang berumur 14 tahun yang ditahan oleh sebab mempunyai senjapati dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri mesti duduk di dock dan beri sebab-sebab Datuk Harun bin Idris, Datuk Abu Mansor dan Encik Ismail Din yang dituduh boleh duduk keluar dari "dock".

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang adanya kata-kata yang berbunyi "keadilan bukan sahaja mesti

dijalankan tetapi juga hendaklah diperlihatkan yang ianya dijalankan dengan saksama". Dalam keadaan kes budak yang berumur 14 tahun itu ia telah dituduh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 yang mana ianya merupakan satu kesalahan yang besar dan mengikut undang-undang berkenaan semua orang yang dituduh adalah dianggap sama tidak kira umur mereka. Oleh yang demikian yang dituduh dalam kes ini telah dikehendaki duduk di dalam kandang tahanan (dock) di Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang sama seperti orang-orang yang dituduh yang lain di bawah undang-undang yang sama. Mengenai kes yang melibatkan Datuk Harun bin Haji Idris dan yang dituduh yang lain mereka telah dibicarakan di bilik perbicaraan Mahkamah Persekutuan (Federal Court) di mana tidak ada kandang tahanan bagi orang-orang salah. Dengan hal yang demikian Datuk Harun, Datuk Abu Mansor dan Encik Ismail Din dalam menjalani perbicaraan mereka telah dibenarkan duduk di tempat biasa sahaja kerana tidak ada kandang.

JALANRAYA TAWAU/SEMPORNA

23. Tuan James Stephen Tibok (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam, adakah Kerajaan telah menyiasat kontrek yang membuat jalan Tawau/Semporna samada benar bahawa mereka ini terdiri dari orang-orang tempatan atau orang luar negeri dan kepada syarikat manakah telah diberi kontrek ini, samada syarikat tempatan atau luar negeri, kiranya luar negeri tidakkah Kerajaan berfikir bahawa syarikat dalam negeri pun boleh mengendalikannya.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Jalanraya Tawau/Semporna termasuk dalam pembinaan Jalan Pantai Timur (East Coast Road) iaitu dari Lahad Datu ke Bandar Semporna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua kontrek telah diberi untuk pembinaan jalanraya ini. Kontrek yang

pertama meliputi seksyen dari Lahad Datu ke Giram Estet dan kontrek yang kedua meliputi seksyen dari Giram Estet ke Tawau. Kedua-dua kontrek telah diberi kepada kontrektor bertaraf antarabangsa dari Negara Filipina.

Sebahagian dari perbelanjaan untuk projek ini akan dibiayai oleh Bank Dunia, dan salah satu syarat yang dikenakan dalam pinjaman tersebut ialah di mana tawaran hendaklah dipanggil secara antarabangsa supaya kontrektor-kontrektor yang sesuai dari negara-negara yang menjadi ahli Bank Dunia dapat mengemukakan tawaran-tawaran. Di dalam "pre-qualification exercise" yang diadakan, hanya satu sahaja kontrektor dari Malaysia didapati layak memasuki tawaran tersebut dan syarikat ini ialah Syarikat Usahasama dengan kontrektor Jepun. Dukacita dinyatakan, syarikat ini tidak berjaya di dalam tawaran tersebut oleh kerana tawaran-tawaran dari kontrektor Filipina lebih "competitive".

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (30hb November, 1977).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan sebagaimana saya telah maklumkan kepada Dewan sebelum ditangguhkan petang semalam iaitu selepas daripada Dewan membicarakan peruntukan di bawah Kementerian Pertanian, Dewan akan membicarakan peruntukan untuk Kementerian Luar Negeri oleh sebab Yang Berhormat Menteri minggu depan akan ke seberang laut atas urusan Kerajaan yang mustahak. Ini untuk makluman supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak masuk campur atau bercakap dalam hal ehwal luar negeri boleh membuat persediaan.

Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertanian menyambung ucapan beliau.

Kepala B. 24 (Jadual) —

Kepala P. 24 (Anggaran Pembangunan, 1978)

3.34 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, untuk menolong ingatan Ahli-ahli Yang Berhormat maka saya ulang sedikit apa yang telah saya sebutkan pada petang semalam waktu Dewan ditangguhkan.

Dalam tahun 1978, Jabatan Pertanian, selaras dengan matlamat-matlamat dasar Kementerian Pertanian, akan memberi ketutamaan kepada program subsidi tanaman serta pengeluaran tanaman makanan (food crops), tanaman makanan ternakan (feed crops) dan juga lain-lain tanaman yang mempunyai keupayaan menjadi tanaman penting negara ini. Usaha-usaha ke arah matlamat tersebut akan dilaksanakan melalui beberapa program dan aktiviti Jabatan ini yang dari setahun ke setahun diperluaskan. Jabatan ini memerlukan peruntukan wang sebanyak \$78,003,900 iaitu terdiri daripada \$18,239,600

belanja mengurus dan \$59,764,300 belanja pembangunan.

Di antara beberapa rancangan subsidi yang penting ialah Rancangan Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil Kelapa. Rancangan ini akan diperluaskan lagi di Semenanjung Malaysia dengan peruntukan perbelanjaan sebanyak \$12 juta. Dalam hal ini, usaha sedang dijalankan bagi menggalakkan petani-petani menanam jenis kelapa mawa yang berkeupayaan memberi tiga kali ganda lebih banyak hasil daripada kelapa biasa. Usaha juga sedang dijalankan bagi menambah pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa dengan menggalakkan mereka menanam tanaman kontan seperti koko dan kopi serta memelihara ternakan mengikut kesesuaian tanah mereka.

Jabatan Pertanian akan juga memainkan peranan yang cergas dalam membekalkan input-input pertanian seperti benih dan baja bagi menjayakan projek Amalan Makanan dan Pemakanan.

Rancangan mengeluarkan lebih ramai lagi Juruteknik Pertanian untuk bertugas di Jabatan ini dan ajensi-ajensi Kerajaan yang terlibat dengan pembangunan pertanian akan dipercepatkan supaya segala kekurangan yang dialami dapat diatasi dan dengan itu pembangunan pertanian dapat berjalan dengan lebih lancar lagi.

Negeri Sarawak memerlukan \$27.71 juta dalam tahun 1978 bagi menjalankan aktiviti pertaniannya. Peruntukan tersebut akan dibelanjakan untuk pembinaan pusat-pusat perkembangan pertanian (agricultural extension centres) dan pusat latihan pertanian. Bantuan akan juga diberi kepada penanam-penanam padi, lada hitam dan lain-lain jenis tanaman yang sesuai bagi melaksanakan sekim mempelbagaikan tanaman. Peruntukan ini juga akan digunakan untuk membiayai pembukaan tanah baru seluas 7,649 ekar bagi tanaman kekal seperti kelapa sawit dan 1,500 ekar bagi lada hitam.

Pembangunan Pertanian di Sabah akan dititikberatkan terhadap penyelidikan koko dan kelapa sawit serta memperbaiki dan menambah kemudahan latihan pertanian di negeri itu. Perbelanjaan pembangunan di Negeri Sabah adalah dianggarkan berjumlah \$5 juta.

Tuan Pengerusi, Jabatan Parit dan Taliair, adalah satu bahagian teknikal Kementerian ini, akan meneruskan program-programnya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur Parit dan Taliair yang penting dari segi usaha-usaha pertanian '*in situ*' di samping memberi perkhidmatan kejuruteraan untuk membangun dan menggunakan sumber-sumber air di negara ini.

Dalam tahun 1978, \$153.6 juta akan disediakan bagi membina kemudahan-kemudahan pamaritan dan taliair yang meliputi kira-kira 163 buah projek di seluruh Malaysia. Peruntukan ini adalah yang paling besar yang pernah disediakan dalam satu-satu tahun.

Antara projek-projek utama yang akan terus dilaksanakan ialah Projek Pembangunan Pertanian Johor Barat Peringkat Satu yang meliputi kira-kira 330,000 ekar. Projek yang serupa juga akan terus dilaksanakan di kawasan Kelantan Utara yang meliputi kawasan seluas 75,000 ekar.

Kemudahan-kemudahan parit dan taliair di kawasan jelapang padi seperti Muda, Kemubu, Tanjong Karang, Krian, Sungei Manik dan Seberang Perak Peringkat IV akan terus diadakan bagi menjamin pengeluaran beras di negara ini. Di samping itu kemudahan yang serupa juga dititikberatkan di kawasan-kawasan padi yang kecil dan sederhana besarnya seperti di Sabah dan Sarawak supaya pengeluaran hasil beras dapat ditambah dari semasa ke semasa.

Sebagai satu tindakan positif terhadap menambah pengeluaran beras dari segi jangka panjang, satu kajian akan dimulakan di satu

kawasan paya seluas 40,000 ekar di lembangan-lembangan Rompin dan Endau dengan tujuan menentukan kemungkinan kawasan tersebut dibuka untuk tanaman padi dua kali setahun.

Berhubung dengan rancangan tebatan banjir, Kuala Lumpur (Flood Mitigation Scheme, Kuala Lumpur) Jabatan Parit dan Taliair akan melaksanakan beberapa kerja penting seperti peninggian ampangan di Klang Gates dengan tujuan menampung air banjir yang berasal dari kawasan tadahan Sungai Kelang. Selain daripada itu, kerja-kerja untuk memperbesar dan mempedalamkan Sungai Batu akan dimulakan. Dengan terlaksananya kerja-kerja tersebut masalah banjir yang sentiasa dialami oleh penduduk di kawasan Bandaraya akan dapat diatasi dengan berkesan. Untuk membiayai projek-projek yang disebutkan itu anggaran belanja pembangunan sebanyak \$153,567,755 dan belanja mengurus sebanyak \$7,337,500 adalah diperlukan oleh Jabatan ini bagi tahun 1978.

Jabatan Perikanan memohon membelanjakan wang sebanyak \$37,051,320 bagi melaksanakan program-programnya dalam tahun 1978. Sebanyak \$8.3 juta daripada wang tersebut akan diperuntukkan untuk belanja mengurus. Dari peruntukan ini, Jabatan Perikanan akan menumpukan perhatian yang utama terhadap kajian mengenai Ikan Dasar Laut di Perairan Sarawak dan Sabah, Ikan Paras Air dan Sumber Udang di Semenanjung. Sebuah Pusat Perikanan Air Payau di Gelang Patah, Johor akan memulakan aktivitinya pada awal tahun 1978. Peruntukan Pembangunan Jabatan ini yang berjumlah \$23.6 juta akan ditumpukan sebahagian besarnya kepada membantu nelayan-nelayan dan penternak-penternak ikan melalui rancangan subsidi yang memakan belanja lebih daripada \$15.6 juta. Rancangan ini akan ditumpukan di Negeri-negeri Trengganu, Kelantan, Kedah, Perlis, Johor dan Pahang. Di samping rancangan tersebut Jabatan ini akan juga memperuntukkan sebanyak \$9.2 juta bagi membangun infrastruktur seperti

komplek-komplek perikanan dan kemudahan pendaratan ikan. 3 buah kompleks iaitu di Chendering (Trengganu), Geting (Kelantan) dan Kuala Sedeli (Johor) dijangka siap dalam tahun 1978. Adalah diharapkan dengan adanya rancangan-rancangan tersebut keadaan hidup nelayan-nelayan akan dapat diperbaiki lagi.

Jabatan Haiwan pula memerlukan peruntukan wang sebanyak \$27.60 juta, iaitu terdiri daripada belanja mengurus sebanyak \$11.15 juta dan belanja pembangunan sebanyak \$16.45 juta.

Jabatan tersebut telah membuat rancangan-rancangan pembangunannya yang bertujuan mencapai matlamat keperluan negara dalam perusahaan daging, telur dan susu di samping menambah hasil pencarian petani-petani dan penternak-penternak kecil. Rancangan-rancangan pengeluaran susu dan daging dilaksanakan dengan membawa masuk 4,000 ekor lembu betina jenis Friesian/Sahiwal pada tahun ini dari Australia dan New Zealand untuk dibahagi-bahagikan kepada penternak-penternak. Di samping itu pembiakkan baka lembu tempatan akan terus juga dilakukan melalui rancangan pernian beradas (artificial insemination).

Projek menternak ayam akan diperluaskan dengan pembinaan 3 lagi pusat penetasan di Kedah, Kelantan dan Trengganu. Pusat-pusat tersebut akan juga dilengkapi dengan kemudahan untuk melatih penternak-penternak. Pusat Pembiakkan kambing biri-biri akan juga didirikan di Gajah Mati, Kedah.

Sejajar dengan perkembangan ini, Jabatan Haiwan akan juga membina pusat-pusat latihan untuk meningkatkan mutu ternakan, kemudahan kerantina, Pusat Ternakan Haiwan Pantai Timur, Makmal-makmal Diagnosa di Johor dan Pahang dan membuka banyak lagi padangragut.

Di Sabah, lebih kurang \$1.4 juta akan dibelanjakan bagi rancangan ternakan seperti

mengimpot baka-baka lembu dari New Zealand. Projek menternak ayam di Likas yang pada masa ini mengeluarkan 290,000 ekor anak ayam setahun akan diperbesarkan lagi.

Manakala di Sarawak pula, sejumlah \$2 juta akan dibelanjakan bagi menjalankan beberapa projek ternakan dalam tahun 1978.

Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Kementerian ini akan memperkukuhkan jenteranya untuk memesatkan lagi aktiviti pembangunan masyarakatnya. Salah satu usahanya ialah menambah bilangan guru-guru kelas Kemajuan Masyarakat dan dijadikan mereka ini sebagai pekerja di peringkat kampung. Mereka akan menjalankan kegiatan pembangunan masyarakat di samping mengajar.

Satu rancangan latihan akan pesat dijalankan bagi melengkapkan lagi pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja supaya menambah kemahiran mereka menjalankan peranan sebagai pemimpin pembangunan masyarakat.

Selaras dengan prinsip pembangunan masyarakat dalam mana penyertaan masyarakat itu perlu supaya konsep "menolong masyarakat untuk menolong diri sendiri" dapat dijayakan maka Bahagian KEMAS ini akan mengaturkan berbagai rancangan di mana penyertaan masyarakat akan dititikberatkan. Kerjasama dari agensi-agensi Kerajaan yang lain akan juga diminta. Bagi menjayakan rancangan-rancangan di atas, Bahagian ini akan memerlukan sebanyak \$20,081,500 untuk belanja mengurus dan \$2,330,000 untuk belanja pembangunan.

Jabatan Pembangunan Koperasi pula memerlukan belanja mengurus sebanyak \$6,953,300 dan belanja pembangunan sebanyak \$833,300 bagi tahun 1978 ini. Jabatan ini akan berusaha menubuhkan Koperasi-koperasi Nasional, menguruskan perkhidmatan penasihat dan perundingan dan menggalakkan kerjasama antara koperasi-koperasi dalam bentuk perkongsian dan integrasi.

Koperasi-koperasi yang ada akan digalakkan bagi mencebur diri dalam lapangan perubahan, pengguna (consumer), pengangkutan, pembangunan dengan cara besar-besaran. Selain daripada itu Jabatan ini akan juga menumpukan usaha terhadap penubuhan dan penggalakan koperasi sekolah.

Kedudukan dan keadaan dari segala segi Maktab Kerjasama di Petaling Jaya sedang dikaji semula dengan tujuan hendak menjadikannya sebagai pusat pelajaran dan latihan koperasi yang bermutu tinggi dan yang boleh memberi lebih kesan terhadap perkembangan gerakan koperasi di negara ini. Selain daripada Jabatan-jabatan yang disebutkan tadi, Kementerian Pertanian juga adalah bertanggungjawab ke atas 8 buah badan berkanun iaitu Bank Pertanian, FAMA, LPP, MARDI, MAJUTERNAK, MAJUIKAN, MADA dan KADA. Badan-badan Berkanun ini akan membelanjakan lebih daripada \$124 juta bagi melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan bagi tahun 1978.

FAMA akan menjalankan beberapa projek pembangunan yang memakan belanja sebanyak \$4.2 juta. Ini termasuklah pembinaan 3 buah pusat Memeringkat Mutu (grading) dan Memproses Lada Hitam yang sedang dibina di Kuching, Sarikei dan Johor Baru; 3 buah kilang minyak kelapa di Perak, Sabah dan Kelantan; menyiapkan pembinaan 4 buah pusat memproses kelapa kering di Jasin, Tumpat, Kuala Trengganu dan Kudat; menyiapkan pembinaan sebuah pusat kerepek pisang di Daerah Larut; membina sebuah pusat memproses koko di Hilir Perak; dan menyiapkan pembinaan 8 buah pusat pemasaran hasil-hasil pertanian.

Lembaga ini akan juga memerlukan Belanja Mengurus sebanyak \$5.8 juta dalam tahun 1978 untuk menjalankan beberapa aktiviti pemasaran yang akan dapat memberi faedah kepada petani-petani. Di antara aktiviti itu ialah mengadakan rancangan pemasaran (kawalan) bagi hasil-hasil pertanian seperti kopi dan lada hitam bertujuan untuk men-

dapatkan layanan yang adil dari segi harga dalam pemasaran hasil-hasil ini. FAMA juga membantu mengaturkan pemasaran untuk petani-petani di samping menyertai sendiri dalam pembelian hasil-hasil tersebut. Bagi meluaskan hasil-hasil pertanian, FAMA akan mempergiatkan usahanya menyampaikan maklumat-maklumat kepada pedagang luar negeri akan hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh negara ini. FAMA akan terus menghantarkan wakil-wakilnya di dalam rombongan keluar negeri untuk meluaskan pasaran pertanian kita. Di samping itu FAMA akan terus menjalankan penyelidikan pasaran dan menyampaikan maklumat berkenaannya kepada petani-petani dan semua pihak yang memerlukannya.

Dalam tahun 1978, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan diperuntukkan sebanyak \$59 juta; bertambah sebanyak 50% dari tahun 1977. Pertambahan tersebut adalah bertujuan untuk melaksanakan beberapa program pembangunan yang akan dapat dinikmati terus-menerus oleh petani-petani. Program-program itu ialah:— pembangunan kemudahan infrastruktur — pembinaan pusat-pusat kemajuan peladang dan rumah-rumah pegawai, program memperluaskan pengeluaran tanaman ladang dan mempelbagaikan tanaman, program pengeluaran tanaman melalui kejenteraan ladang, program pemulihan ladang dan lain-lain. Belanja Pembangunan bagi melaksanakan program tersebut dianggarkan berjumlah \$43 juta, manakala Belanja Mengurus adalah dianggarkan sebanyak \$16 juta.

MARDI memerlukan \$18.4 juta belanja pembangunan dan \$34.8 juta belanja mengurus bagi tahun 1978. Peruntukan ini adalah bertujuan untuk melengkapkan stesyen-stesyen penyelidikan MARDI dengan mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur, pembekalan alat-alatan untuk penyelidikan dan memproses. MARDI akan terus melaksanakan rancangan latihan dan kerjanya supaya ia dapat melengkapkan diri dengan pegawai-pegawai yang berkelayakkan yang boleh memberi perkhidmatan yang berkesan terhadap kemajuan pertanian.

MAJUTERNAK sedang berusaha mencapai matlamat "self-sufficiency" dalam bekalan daging di negara ini. Bagi tujuan ini 5 buah projek ternakan lembu akan dibuka di Johor, Trengganu, Kelantan, Sarawak dan Sabah pada tahun 1978 ini. Ia meliputi kawasan seluas 12,500 ekar dan akan dapat menampung sebanyak antara 12,000 hingga 15,000 ekor lembu. Manakala matlamat untuk mengeluarkan 20% keperluan susu negara dalam tahun 1990 sedang diusahakan dengan membuka sebanyak 20 buah yunit lembu susu komersial yang akan mengeluarkan sebanyak 18,000,000 gelen susu setahun. Bagi tahun 1978 ini 4 buah yunit sedemikian akan ditubuhkan selain daripada 4 yunit yang sedang berjalan dengan memuaskan.

Di samping program di atas, MAJUTERNAK akan mempergiatkan lagi rancangan memproses susu. Sebuah syarikat usahasama MAJUTERNAK dan Syarikat Tempatan telah ditubuhkan. Sebuah kilang memproses akan dibina dalam tahun 1978 ini.

Dalam lapangan pemasaran pula, MAJUTERNAK sedang giat memperbaiki sistem pemasaran lembu dan daging untuk menjamin bekalan daging yang mencukupi dengan harga yang berpatutan. Usaha yang sama juga dijalankan dalam memasarkan susu segar (fresh milk) yang dikeluarkan oleh ladang-ladang ternakan. Program-program yang disebutkan adalah berbentuk komersial. Bagi melaksanakannya, MAJUTERNAK memerlukan peruntukan sebanyak \$17 juta dalam tahun 1978.

Dalam tahun 1978 MAJUIKAN memerlukan peruntukan sebanyak \$5,713,900 untuk Belanja Mengurus dan \$34,982,630 untuk Belanja Pembangunan.

Lembaga ini akan mengambil tindakan bagi memperkuat projek-projek penangkapan ikan yang ada sekarang dengan memperkemas perjalanannya, menyelaraskan tugas-tugas di antara bahagian-bahagian dan menyusun sistem pengurusan tersebut di semua peringkat.

Dalam menjalankan program-program pembangunan MAJUIKAN pada tahun 1978 ini akan memberi keutamaan kepada aspek-aspek pembangunan koperasi-koperasi Nelayan, yang mendapat peruntukan berjumlah \$12.8 juta. Peruntukan ini akan digunakan sebagai modal bagi koperasi-koperasi tersebut menjalankan kegiatan-kegiatan perniagaannya.

Perusahaan menangkap ikan secara komersial di Pantai Timur Semenanjung akan juga dipergiatkan dengan peruntukan sebanyak \$22 juta. Di samping itu MAJUIKAN akan juga membangunkan perusahaan ternakan secara "aquaculture" yakni ternakan ikan payan, dan pembiakan ikan air tawar/air payau.

Tuan Pengerusi, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menganggarkan belanja mengurusnya sebanyak \$9.9 juta. Seperti yang kita sedia maklum rancangan Muda ini adalah salah satu rancangan pengairan yang terbesar dan yang paling berjaya setakat ini. Ini dapat terbukti dengan meningkatnya hasil purata padi daripada 400 gantang seekar kepada 800 gantang seekar. MADA pada tahun 1978 ini akan terus memusatkan kegiatannya bagi menuju matlamat pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat petani yang berjumlah kira-kira 60,000 keluarga itu di samping menambah pengeluaran makanan untuk keperluan negara. Bagi tujuan ini MADA sedang berusaha bagi mencukupkan segala kemudahan asas seperti memperkemas sistem pengairan dan penyaliran dan menambahkan jalan-jalan ladang. Di samping itu MADA akan mengembangkan penggunaan segala amalan teknologi moden untuk menjamin pertambahan pengeluaran hasil pertanian. Ini termasuklah kejenteraan, pemulihan tanah, pemusnahan penyakit dan pengurusan ladang. Rancangan-rancangan tersebut akan memerlukan belanja pembangunan sebanyak \$460,000 dalam tahun 1978.

Jumlah belanja mengurus Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) adalah dianggarkan sebanyak \$8,965,100 iaitu kira-kira

\$2 juta lebih daripada peruntukan tahun 1977. Pertambahan ini adalah disebabkan bertambah pesatnya aktiviti yang akan dijalankan oleh Lembaga tersebut dalam tahun 1978.

Belanja Pembangunan KADA bagi tahun 1978 adalah berjumlah \$219,000 bertujuan untuk meneruskan rancangan pembekalan dan pembiakan benih yang telah dimulakan pada tahun lalu. Di samping itu KADA juga menjalankan beberapa rancangan pembangunan yang peruntukannya dibuat melalui LPP, Jabatan Parit dan Talian dan Jabatan Pertanian.

Bagi tahun 1978, Bank Pertanian adalah dijangka mengeluarkan pinjaman bernilai \$70 juta untuk tujuan pembangunan pertanian di seluruh Malaysia. Sebahagian besar daripada pinjaman tersebut, iaitu \$43.8 juta akan dikeluarkan untuk pinjaman jangka pendek, iaitu meliputi tanaman seperti padi dan tembakau manakala \$17.9 juta dan \$8.5 juta akan dikeluarkan masing-masing untuk pinjaman jangka pertengahan dan jangka panjang. Dalam melaksanakan rancangan pinjaman, Bank Pertanian akan mengkaji segala keperluan kewangan petani-petani supaya pemberian kredit itu benar-benar dapat membantu ke arah memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial mereka.

Tuan Pengerusi, di antara rancangan-rancangan baru yang akan diteroka oleh Bank Pertanian dalam tahun 1978 adalah seperti berikut:—

- (a) Memperluaskan lagi liputan kegiatan rancangan-rancangan kredit yang telah sedia ada menerusi pembukaan cawangan-cawangan baru dan meningkatkan lagi kegiatan cawangan-cawangan Bank Pertanian yang ada di seluruh negara;
- (b) Bekerjasama dengan lebih rapat lagi dengan agensi-agensy yang bertanggungjawab dalam melaksanakan projek-projek pembangunan wilayah seperti projek-projek Johor Barat, Barat Daya

Selangor, Besut, Kelantan Utara, Limbungan Sungai Trengganu, Krian dan Sungai Manik;

- (c) Melibatkan diri secara langsung dalam projek-projek antara jabatan/agensy yang dijalankan secara "integrated". Ini termasuklah projek percubaan kredit padi di Sawah Sempadan, Selangor dan projek-projek yang diselenggarakan oleh Jawatankuasa Perancang Kementerian Pertanian peringkat negeri-negeri.
- (d) Meningkatkan kegiatan secara "area approach" iaitu dengan mengkaji keperluan kredit pertanian di kawasan-kawasan tertentu secara mendalam dan seterusnya merangka sekim-sekim pinjaman yang dapat disesuaikan kepada keperluan kawasan-kawasan itu.

Belanja Mengurus Bank Pertanian bagi tahun 1978 adalah dianggarkan berjumlah \$8.633 juta yang akan dibiayai keseluruhannya oleh Bank Pertanian sendiri melalui pendapatan dari faedah dan keuntungan yang diterima dalam menjalankan pelbagai aktiviti-nya.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pertanian bagi keseluruhannya akan menitikberatkan usaha-usaha meninggikan kedudukan sosio-ekonomi petani dan nelayan serta meninggikan pengeluaran bahan-bahan makanan dari ternakan dan tanam-tanaman supaya cukup keperluan negara dan seterusnya untuk diekspot. Sebagai langkah ke arah ini Kementerian sedang berusaha menggalakkan petani-petani menanam tanam-tanaman yang boleh ditanam sendiri di negara ini seperti kobis dan lada tanpa diimpot dari luar negeri. Beberapa jenis tanaman lain seperti ubi kentang akan juga diperkenalkan sekiranya tanaman ini sesuai. Usaha-usaha ini adalah sepertimana yang telah saya huraikan tadi.

Tuan Pengerusi, dengan keterangan yang diberikan di atas saya memohon peruntukan belanja mengurus di bawah Kepala

B. 24 dan peruntukan Belanja Pembangunan di bawah Kepala P. 24 berjumlah \$552,818,415 diluluskan.

4.00 ptg.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian, bahawa Majlis ini ialah dalam Jawatankuasa dan saya harap seberapa dapat janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini banyak menyebut perkara dasar (policy). Dalam Kementerian Pertanian ini di dalam membahaskan Bekalan B. 24 sahaja tidak kurang daripada 19 butiran (kod) dan aktiviti-aktivitinya dan di dalam Anggaran Belanjawan Pembangunan iaitu P. 24 ada 280 butiran projek. Jadi bagi memudahkan saya dan Yang Berhormat Menteri mengikut perbahasan, saya harap dapat kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua menyebutkan lebih dahulu butiran (kod) kalau membahaskan Bekalan B. 24 atau butiran (projek) bila membahaskan P. 24 itu.

Sekarang Anggaran Belanjawan bagi B. 24 dan P. 24 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk perbahasan.

4.02 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pertanian. Di sini saya suka menyentuh Kepala B. 24, Butiran 1100, Aktiviti (2) (a) dan (b). Di atas usaha Kementerian Pertanian yang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memajukan dan menambah hasil pengeluaran petani-petani daripada luar bandar adalah disanjung tinggi berhubung dengan penyeliaan pegawai khidmat dan berbagai-bagai lagi.

Berhubung dengan pengendalian pengaliran air ke sawah-sawah, ada sedikit kecacatan yang telah berlaku kerana ramai di antaranya tidak mengikut arahan dan tidak dapat menunaikan kewajipan dengan sebaik-baiknya seperti yang telah ditentukan, yang telah diputuskan mengikut peringkat daerah, yang

mana ada di antara taliair itu tidak ada dibersihkan mengikut jadual. Sepatutnya mesti dibersihkan tiga bulan sekali tetapi kadang-kadang tempat-tempat yang tertentu tidak dapat dibersihkan mengakibatkan bekalan air untuk mengalirkan ke sawah-sawah tidak dapat dilaksanakan. Dengan itu dapatlah di-kesan bahawa jabatan ini kurang berhati-hati menyediakan perancangan.

Sebagai contoh saya sebutkan satu kawasan di Sungai Manik misalnya, perbelanjaan yang telah dikeluarkan tidak kurang daripada \$2 juta bagi membaiki ataupun bagi memberi kemudahan perairan kepada petani-petani di satu kawasan bendang Sungai Air Deras yang mana pamnya telah dipasang 3 buah pada asalnya tetapi kini hanya tinggal sebuah sahaja lagi yang berjalan kerana sebuah telah dibuka dan yang dua buah lagi itu perjalanannya digilir-gilirkan. Ertinya mengikut anggapan petani-petani dan saya sendiri telah menengok hanya sebuah sahaja yang dapat berjalan. Untuk mengikut kiraan asalnya 2 jentera ini akan berjalan serentak dan boleh memberikan bekalan air seluas 600 ekar. Akibat kelalaian yang telah berlaku itu, cuma dapat diusahakan 200 ekar sahaja maka yang selebihnya telah menjadi kekeringan dan tidak dapat diusahakan. Jadi, segala kemudahan asas yang disediakan melalui rancangan luar bandar telah tinggal dan sawah ini pun naik rimba semula.

Kesilapan ini mungkin berlaku mengikut fahaman saya ini adalah salah pengertian di antara juruteknik-jurutera menyatakan bahawa pam ini kalau berjalan dengan baik tiap-tiap sebuah boleh membekalkan air 20 kaki padu dan boleh membekalkan pada keseluruhan tanah yang mengkehendaki untuk keseluruhan 600 ekar jika dua jentera itu berjalan dengan betul. Tetapi yang sebenarnya kiraan itu adalah berlaku kiraan di atas meja sahaja dan tidak dilakukan ke atas tanah yang sebenar-benarnya, kerana tanah bendang ini bukanlah merupakan sekeping tanah seperti tanah yang telah diratakan dan sebagainya. Kebanyakan tanah-tanah bendang ini adalah merupakan tanah gambut dan tidak boleh

dapat air dengan sepenuhnya. Tetapi juru-tekni tali air pula mengakui walaupun ketiga-tiga jentera ini berjalan serentak, air tidak juga dapat dibekalkan. Jadi, di antara kedua-dua yang bertentangan ini akibatnya petani-petani yang menganggur.

Di samping itu juga kelalaian yang telah berlaku dengan kelulusan yang memberi kebenaran kepada sesebuah lombong, ertinya untuk mengadakan ataupun mengubah perjalanan air sungai seperti air Sungai Kinta itu sepatutnya tentulah dikorek pengaliran air sungai itu dahulu supaya apabila siap dikorek air sungai itu, baharulah diberi kebenaran kepada lombong yang di sebelah untuk menyiapkan bund. Perkara ini telah berlaku sejak tahun 1969 lagi. Yakni bund yang di sebelah kirinya itu diuntukkan, dicadangkan untuk mengadakan saluran sungai baharu sedangkan pengubahan aliran air dibuat lebih kurang di hujung sungai ini dalam 10 rantai sahaja dan bund yang di sebelah kanan pula dibuat secara besar-besaran dan limpahan-air itu tidak dapat menyerap masuk ke kawasan sepatutnya tempat limpahan itu berlaku buat sementara. Oleh kerana cuaca buruk waktu akhir-akhir ini maka limpahan Sungai Kinta ini tadi telah merebak ke kampung-kampung oleh kerana sempitnya sungai ini mengalir, air ini telah melimpah ke kampung-kampung dan kampung yang dahulunya tidak pernah mendapat banjir, tidak pernah ditenggelami dan sebagainya, mereka ini telah dapat banjir dan tenggelam.

Oleh kerana air yang keluar daripada limpahan Sungai Kinta ini tadi bersama-sama dengan lumpur lombong dan sebagainya akibatnya bertambah buruk lagi dan kampung ini ditenggelami hingga 4 atau 5 kaki. Ini bolehlah saya sebutkan iaitu Kampung Balun Bidai, Kuala Kinta, Sungai Korok, Kampung Budiman, Dalam Terus, Seberang Teras semuanya dalam Mukim Pasir Panjang Ulu di Kampung Gajah. Limpahan air ini bukan sahaja air yang turun bahkan mengandungi lumpur dan merosakkan tanaman-tanaman dan boleh diperhatikan tempat

yang kena limpahan air ini, pokok-pokok dusun dan getah yang mana pihak RISDA sendiri tidak mahu mengusahakan di kawasan tersebut untuk memajukan kerana dianggap kawasan itu kawasan tenggelam; yang di-sebelahnya yang tidak kena tenggelam, pokoknya ada yang menghijau dan di sebelahnya yang kena tadi makin hari makin masuk mungkin pokok ini akan mati dengan sendirinya. Dengan keadaan demikian di sekeliling ini, keadaan yang telah berlaku, tanah yang tenggelam tadi, petani-petani ataupun rakyat yang begitu taat setia kepada negara ini telah hilang mata pencariannya, ikan-ikan, udang dan sebagainya yang mana pada satu masa dahulu kalau kita berjalan ataupun menaiki bot atau sampan daripada Kuala Sungai Kinta menuju ke hulu tidak kurang daripada 2,000 buah bubu ataupun lokah untuk mengambil ikan dan udang dan inilah sebahagian daripada hasil pencarian penduduk-penduduk di kawasan sekitarnya.

Sekolah telah ditutup lebih awal, mesjid tidak dapat digunakan atau berjemaah, penduduk yang terlibat hampir 300 keluarga yang mana hampir 1,300 nyawa yang terlibat.

Oleh itu, saya harap jabatan yang berkenaan atau jabatan manapun yang berkenaan bertindak secara mana yang baik bagi memulihkan kehidupan mereka. Perkara yang disampaikan ini bukanlah perkara baru, perkara ini telah disebut semenjak mula-mula saya duduk di dalam Dewan yang mulia ini membahaskan perkara yang tersebut. Tetapi saya sampaikan sekali ini adalah merupakan keadaan yang lebih buruk yang belum pernah berlaku seburuk yang telah terjadi dan mungkin perkara ini akan berlanjutan, tenggelamnya daripada bulan Oktober mungkin akan habis pada awal Januari tahun 1978 ataupun akhir.

Di samping itu juga saya sukalah menyatakan juga kemudahan bagi mengeluarkan hasil padi di kawasan yang sepatutnya boleh senang dan mudah dibawa padi daripada sawah ke pondok oleh kerana cuaca yang kurang baik,

keadaan jalan yang kurang memuaskan, akibatnya padi tersebut bila telah dipotong ditinggalkan saja di tepi batas, maka hampir 1,500 guni padi ini bercambah di ladang ataupun di sawah. Kawasan yang paling teruk sekali yang dialami ialah kawasan rancangan di kawasan saya, Rancangan Seberang Perak. Oleh itu, melalui Dewan yang mulia ini saya sungguh-sungguh berharap kepada Kementerian yang berkenaan dapat memberikan khidmat ataupun mengadakan satu kemudahan jalan yang baik di mana-mana juga perlu di kawasan tanaman padi.

Selain daripada itu, saya tidak juga lupa mengucapkan terima kasih yang mana usaha-usaha yang dibuat oleh jabatan ini bagi mengawal membantu petani yang mana telah berlaku satu penyakit yang dinamakan "bina perang" yang berlaku di kawasan saya. Pegawai dan kakitangan di Jabatan Pertanian berusaha bersungguh-sungguh dengan tidak mengira waktu mereka bertugas. Jadi, apa yang saya difahamkan yunit ini hanya merupakan yunit kecil sahaja. Oleh yang demikian, saya harap yunit ini hendaklah ditentukan ataupun ditetapkan bukanlah merupakan pegawai ataupun kakitangan sementara sahaja bila dikehendaki baru ditubuhkan yunit ini.

Selain daripada itu, saya sukalah menyebutkan bagaimana jabatan ataupun perancangan dalam hubungan yang sama juga bagi memajukan ladang-ladang kelapa. Apa yang berlaku usaha-usaha yang telah dibuat oleh Jabatan Parit dan Taliair, bukanlah hendak memberikan kemudahan yang baik kepada pekebun-pekebun kelapa tetapi pada anggapan saya adalah merupakan menambah memperkayakan sebilangan orang-orang yang miskin di ladang-ladang yang tersebut kerana perancangan parit-memarit yang berlaku bukan menguntungkan pekebun-pekebun kelapa tetapi di atas kesempatan yang dibuat oleh Kerajaan pihak swasta yang ada di sekelilingnya menggunakan parit ini dan membuang air ke kawasan-kawasan yang dibuat oleh Kerajaan. Berhubung dengan

kesusahan yang dialami oleh petani-petani, baik apa juga corak malapetaka yang diterima oleh petani-petani seperti kekeringan air dan sebagainya, seperti tempat-tempat yang ditenggelami air, dusun-dusun tanaman mereka telah rosak dan penderitaan mereka yang berlaku pada sepanjang masa, saya sukalah mencadangkan kepada Kementerian ini supaya menubuhkan satu peruntukan khas untuk Tabung Pertanian ataupun merupakan tabung membantu petani-petani yang terlibat dalam satu-satu malapetaka yang di luar dugaan.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih yang mana rancangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi banyak yang melibatkan yang berlaku di kawasan saya, tetapi saya khuatir perlaksanaannya mungkin tidak dapat dilakukan dengan sertamerta kerana apa yang difahamkan satu-satu projek itu dibuat seumpama mencuba-cuba. Apa yang telah berlaku, saya masih ingat dalam tahun 1972 lagi satu pilot project telah dibuat yang mana perancangan ini cukup baik, cukup memuaskan, kemudian dihentikan 2 tahun, 3 tahun. Kemudian pada tahun 1977 baru dibuat satu lagi pilot project. Rancangan ini akan diteruskan keseluruhan kawasan jelapang padi Sungai Manik ini atau tidak belumlah lagi pasti kerana mengikut kenyataan daripada beberapa pegawai yang memberikan penerangan bahawa rancangan ini adalah memerlukan wang yang banyak, pihak jabatan atau Kementerian memerlukan pinjaman. Beberapa pegawai telah datang melihat, meneliti, menyelidik dan apa sahaja telah diberikan segala keterangan, pendekata hanya menunggukan cara mana lagi tidaklah diketahui. Saya rasa dengan rancangan parit-memarit yang ada berjalan sekarang melalui rancangan parit yakni menggunakan simen ataupun menggunakan fibre glass bolehlah dikatakan pihak petani-petani akan berusaha berterusan bagi memajukan sawah-sawah mereka.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh P. 24 Butiran 7 muka surat 153 — Lembaga Pertubuhan Peladang. Saya ucapkan terima kasih

di mana di kawasan saya ada empat Lembaga Pertubuhan Peladang, tetapi cara pengendalian dan cara memajukan peladang-peladang kepada saya tidaklah memuaskan kerana kita telah faham bahawa setiap petani, peladang, hendak masuk di dalam Koperasi Peladang mereka akan bertanya jika ia masuk apa yang diperolehi sedangkan ia tidak mempunyai tanah sendiri. Selama masa mereka duduk di kawasan-kawasan ladang kebanyakannya adalah menyewa daripada peladang-peladang tua kerana mereka ini telah tidak berapa larat lagi hendak turun ke ladang. Jadi dalam hubungan ini saya sukalah menekankan supaya bantuan yang akan dikeluarkan itu biarlah betul-betul memberi menafaat dan faedah yang betul-betul seperti yang telah berlaku baru-baru ini. Pesanan telah banyak dibuat, tiap-tiap Pusat Koperasi Peladang, jentera dua roda untuk memudahkan petani-petani mendapatkan jentera itu dengan cara pinjaman ataupun cara hutang. Dibuat pesanan saya rasa tidak kurang daripada 70 buah yang dapat dibekalkan cuma 12 sahaja. Jadi apa kata mereka yang tidak dapat, seolah-olah Lembaga Pengarah ataupun Pengurusan ataupun pengurus kawasan ladang itu melakukan sesuatu pilih kasih kata mereka. Jadi daripada suara-suara yang seumpama inilah patut kita hindar dan patut kita ketepikan. Oleh itu, saya haraplah pada masa yang akan datang ini berapa juga banyak permohonan daripada pusat-pusat Koperasi Peladang dapat diluluskan dan dapat dibekalkan dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada P. 24, Butiran 29 Muka Surat 155 — Bantuan-bantuan Tanaman Ladang.

Apa yang berlaku sekarang ini tiap-tiap Pegawai Pertanian mengeluarkan borangnya kadang-kadang borang itu tidak cukup, dan ada petani-petani yang tidak dapat. Borang dikeluarkan biasanya pada bulan Mac dan petani diarah menyediakan tapak untuk menerima benih-benih tanaman. Tapak disediakan. Bulan Jun tidak datang juga lagi

benih atau bantuan, bulan September pun tidak datang, bulan Oktober pun tidak datang. Jadi tentulah tapak ataupun tanah yang telah dibersihkan tadi naik balik hutan dan tentulah usaha seumpama ini saya rasa tidak dapat menyelamatkan petani-petani daripada mengeluarkan tenaganya dengan percuma sahaja. Oleh yang demikian patutlah pihak Kementerian menyediakan satu rancangan kerja supaya apabila benih dapat diterima oleh petani berapa lama ketikanya pegawai-pegawai di tiap-tiap satu tempat ataupun satu kawasan itu dapat mengarahkan petani-petani ataupun dengan usahasama dengan koperasi peladang dapat membersihkan tanah petani-petani yang telahpun diterima sebagai bakal penerima bantuan tanaman ladang. Inilah yang patut diselaraskan supaya tidak berlaku ketidak puas hati kepada petani-petani.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala P. 24, Butiran 265 — Kemajuan Masyarakat.

Saya mendengar Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan usaha-usaha akan dibuat bagi mensesuaikan Guru-guru Kemajuan Masyarakat bukan sahaja dia sebagai pengajar tetapi juga sebagai pekerja membangunkan masyarakat. Saya harap buat permulaan ini dapat ditentukan sekurangnya tiap-tiap mukim ada seorang Guru Pembangunan Masyarakat. Itu ialah sebagai pengelolanya. Kemudian guru-guru yang lain itu mengikut keperluanlah, di mana-mana yang sesuai supaya semua masyarakat kita dapat khidmat nasihat daripada guru-guru yang akan dipilih.

Dan di samping itu juga patutlah diperbesar lagi khidmat ini supaya dapat memperkembangkan apa-apa usaha bagi menyatukan masyarakat di luar bandar. Di samping itu apa yang akan disebutkan ini ialah P. 24, Butiran 266 — Pekan Sehari.

Pada masa yang lalu pekan sehari ini banyak didirikan di merata-rata tempat. Tetapi apa yang telah berlaku pada masa

sekarang ini pekan sehari yang lama itu bertambah buruk dan tidak dapat dibaharui lagi oleh kerana tidak ada badan yang bertanggungjawab. Dengan yang demikian saya rasa di atas peruntukan yang ada di bawah Kementerian ini dapat meninjau semula di mana pekan-pekan sehari yang betul-betul maju patutlah diberi sumbangan pembangunan supaya dapat diperkekalkan sekurang-kurangnya pada tiap-tiap minggu ada usaha-usaha petani-petani dapat memasarkan bahan-bahan pengeluarannya. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

4.25 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Selayang): Tuan Pengerusi, saya ingin memberi pandangan saya ke atas Kepala B. 24 — Kementerian Pertanian, Butiran 1100, Aktiviti (4) — Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa.

Pertambahan peruntukan dari \$1,106,840 kepada \$1,450,800 untuk kakitangan Pembangunan Masyarakat tidaklah mencukupi. Masyarakat di luar bandar terutama sekali orang-orang Cina di dalam kampung-kampung baru memerlukan lebih banyak pegawai-pegawai pembangunan. Sebuah pejabat di dalam Kementerian untuk mengelolakan projek-projek pembangunan masyarakat hendaklah diadakan.

Seterusnya Kepala P. 24, Butiran 25 — Kemudahan-kemudahan Pengeluaran Tanaman.

Petani-petani dari masyarakat Cina adalah orang-orang yang bekerja kuat dan mereka mengeluarkan sumber hasil pertanian dan ternakan bagi makanan rakyat. Malaysia boleh mengurangkan impot bahan-bahan makanan seperti daging lembu, daging kambing, ham, bacon, cereals barang-barang makanan ternakan seperti lembu dan ayam itik. Dengan demikian akan dapat menyelamatkan banyak pertukaran matawang luar negeri bagi faedah negara kita.

Kementerian hendaklah mengajar petani-petani Cina dalam cara-cara teknik pertanian

moden sebagaimana yang dipraktikkan di dalam Negara Jepun, Korea dan negara-negara sebelah barat. Petani-petani Cina layak diberi latihan untuk menggunakan jentera-jentera teknologi yang saintifik untuk membaiki pengeluaran bahan-bahan makanan negara kita.

Tuan Pengerusi, kebanyakan orang-orang kita yang tinggal di kampung-kampung baru memerlukan lebih banyak tanah pertanian untuk menyelesaikan problem pengangguran dan kekurangan pekerjaan di kalangan belia-belia dan orang-orang dewasa. Mereka yang baru meninggalkan sekolah mendapati sukar untuk mendapatkan pekerjaan dan mereka mungkin berhijrah ke dalam bandar-bandar besar yang tidak syak lagi akan menimbulkan problem perumahan dan pekerjaan. Problem seumpama ini boleh diselesaikan sekiranya Menteri Pertanian dapat menguruskan dengan Kerajaan Negeri untuk memberikan peruntukan tanah yang lebih luas kepada orang-orang di dalam kampung-kampung baru yang kemudiannya akan dapat digunakan untuk projek-projek pembangunan pertanian dan penternakan.

Merujuk kepada Kepala B. 24, Butiran 1100, Aktiviti (5) — Pembangunan Koperasi.

Menteri Pertanian boleh mengambil lebih banyak pegawai-pegawai pembangunan untuk mengelolakan koperasi berbilang kaum bersama-sama dengan penduduk-penduduk di kampung-kampung baru ke arah satu langkah memulakan pertanian moden dan ternakan binatang, termasuklah ladang-ladang memelihara ayam dan itik.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Mengapa kita memerlukan 'ayam Belanda' dari luar negeri sedangkan kita boleh menghasilkan pengeluarannya di sini untuk musim-musim Christmas. Menteri berkenaan mestilah memastikan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga akan berhasil dengan mengujudkan

kekayaan baru kepada Malaysia sebagaimana yang saya cadangkan sebentar tadi.

4.30 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Pembangunan P. 24 — Kementerian Pertanian, Butiran 1 — Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), muka surat 153.

Tuan Pengerusi, FAMA sebuah agensi Kerajaan yang memainkan peranan yang penting dalam soal memasarkan hasil pertanian negara. Sejak tertubuhnya FAMA, maka bahan-bahan pertanian yang dipasarkan melalui pasar-pasar besar adalah mendapat pasaran yang memuaskan di mana harga dapat dikawal dengan rapi. Walaupun begitu kita berharap bahawa semua hasil-hasil pertanian hendaklah disalurkan melalui FAMA supaya harganya di pasaran dapat jaminan. Ini akan memberi kemudahan kepada pembeli-pembeli khususnya suri-suri rumah-tangga.

Tuan Pengerusi, dalam soal Lembaga Kemajuan Ternakan Negara Butiran 4, muka surat yang sama, kita bersyukur bahawa sejak adanya Lembaga Kemajuan Ternakan Negara ini, pengeluaran perusahaan daging dan ternakan adalah terkawal dan orang ramai dapat membeli dengan mudah. Dalam soal ini, kita berharap bahawa perusahaan daging dan ternakan ini akan dapat dipusatkan di beberapa tempat lagi supaya pengeluaran perusahaan daging dan ternakan ini sentiasa dapat membekalkan pengeluarannya. Apabila ini dapat dijamin, harga pasaran akan stabil.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 7 — Lembaga Pertubuhan Peladang, muka surat 153 juga, Lembaga Pertubuhan Peladang satu pertubuhan yang sangat bergerak maju di kawasan luar bandar. Kita tahu ini adalah satu usaha yang cemerlang. Dengan usaha ini, kita berharap Persatuan Peladang ini akan dapat menambahkan hasil penge-

luarannya. Walau apa juga usaha yang dilakukan oleh Persatuan Peladang ini, namun perkara yang utama ialah tempat pemasaran. Sayugia diketahui bahawa pemasaran memainkan peranan yang penting dalam sesuatu usaha yang dimajukannya.

Saya ingin mengesyorkan bahawa pengeluaran hasil Persatuan Peladang ini hendaklah mendapat kerjasama dari berbagai sektor khususnya pihak swasta agar dapat memberi kerjasama untuk memasarkan hasil-mahsyul di bandar-bandar.

Tuan Pengerusi, selain dari galakan, tempat-tempat terutama di pasar-pasar besar, di gerai-gerai buah, keutamaan hendaklah diberi kepada usaha-usaha Persatuan Peladang ini untuk memasarkan hasil pengeluarannya.

Kita tidak mahu mendengar bahawa ada sungutan yang mengatakan bahawa hasil pengeluaran Persatuan Peladang ini tidak mendapat tempat di bandar-bandar. Kita percaya bahawa usaha yang dijalankan oleh Persatuan Peladang ini adalah satu usaha yang baik. Ia bukan sahaja memberi peluang pekerjaan kepada pemuda-pemuda kita, tetapi juga memberi peluang berniaga kepada mereka.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa tujuan besar Kerajaan ialah mengadakan peluang pekerjaan. Satu daripada caranya ialah dengan mengadakan tempat-tempat perniagaan, khususnya gerai-gerai jualan. Ini saya rasa adalah penting sekiranya kita hendak menggalakkan belia-belie kita berdikari dan berniaga sendiri. Secara tak langsung, ianya boleh mengurangkan pengangguran di kalangan belia-belie kita.

Tuan Pengerusi, saya berbalik semula kepada Bekalan B. 24, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan Aktiviti (3) Sumber-sumber Alam: (a) Perikanan, muka surat 147, dan Kepala Pembangunan P. 24, muka surat

164, Butiran 224 — Kemajuan Pelabuhan-pelabuhan Ikan.

Tuan Pengerusi, di dalam soal perikanan ini Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak, telah memberi persetujuan untuk membinakan Komplek Perikanan Kampung Geting, Tumpat dengan peruntukan sebanyak \$3 juta. Tanah-tanah telah dibeli tetapi projek tersebut hingga sekarang ini tidak dilaksanakan. Projek Perikanan Kampung Geting ini sangatlah mustahak kepada nelayan-nelayan di kawasan Tumpat. Mereka sangat-sangat mengharapkan agar projek tersebut tidak dibekukan.

Saya ingin mengingatkan Menteri yang berkenaan bahawa apalah jua kiranya Komplek Perikanan Kampung Geting, Tumpat itu dapat diteruskan, walaupun tidak pada tahun 1977 ini. Sebagai Wakil Rakyat kawasan Tumpat, yang menyuarakan harapan nelayan-nelayan di sana agar peruntukan yang telah diuntukkan itu tidak ditarik balik, ataupun tidak dimajukan ke tempat-tempat lain. Kita akan menghadapi pilihanraya tidak berapa lama lagi, dan ini akan menjadi modal yang besar kepada pihak-pihak Pembangkang.

Saya mempunyai penuh harapan Yang Berhormat Menteri dapat meneruskan Komplek Perikanan Kampung Geting ini sedikit-tidaknya pada tahun hadapan sebelum menjelangnya pilihanraya.

Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh peruntukan Kementerian ini.

4.37 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, pertama saya ingin merujuk kepada Kepala B. 24 Aktiviti No. 2 muka surat 147 Aktiviti (2) (a) — Pertanian.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada hakikat bahawa sebilangan besar dari perbelanjaan pembangunan untuk tahun 1978 akan diperuntukkan untuk pembangunan

pertanian dan luar bandar yang berjumlah \$863,000,000 saya fikir adalah mustahak bagi Kerajaan untuk memastikan bahawa peruntukan yang besar itu bukan sahaja dapat membawa perkembangan dan kemajuan kepada sektor pertanian bahkan juga dapat menentukan bahawa tanah yang tersiar di negara kita akan digunakan secara berguna untuk tujuan memesatkan perkembangan pertanian dan menambahkan pengeluaran makanan di negara kita.

Tuan Pengerusi, Malaysia ialah sebuah negara pertanian dan adalah tidak benar bahawa negara kita tidak ada tanah yang sesuai untuk pertanian. Dalam Semenanjung Malaysia lebih kurang lima juta ekar tanah yang sesuai untuk pertanian masih belum dibangunkan. Jika masuk ke tempat yang tidak diperuntukkan sebagai hutan atau digunakan sebagai ecological conservation. Selain dari itu terdapat juga dua juta ekar tanah yang telah diperuntukkan untuk pembangunan pertanian masih belum digunakan untuk tanaman. Akhirnya, pada hari ini, sungguhpun terdapat begitu banyak tanah yang sesuai untuk pertanian akan tetapi masih ada beratus-ratus petani-petani yang tidak bertanah dari semua kaum yang tidak berjaya dalam permohonan mereka untuk mendapat tanah bagi tujuan pertanian. Adalah pasti Kerajaan Persekutuan akan berkata bahawa tanah adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Pusat dan hanya Kerajaan Negeri yang boleh memutus perkara-perkara berkait dengan tanah. Namun demikian apakah Kementerian Pertanian tidak dapat berbincang dan berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Majlis Tanah Negara supaya tanah diberikan kepada petani-petani yang tidak bertanah bagi tujuan pertanian. Jika ini adalah demi kepentingan negara, saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri tidak menentang pemberian tanah kepada mereka yang tidak bertanah. Apa yang dikehendaki ialah bagi Kerajaan Persekutuan melancarkan satu rancangan pembahagian tanah raksaksa yang bertujuan memberi tanah kepada petani-petani dari semua kaum yang tidak bertanah

supaya dapat menambahkan pengeluaran makanan dan Kerajaan Negeri hendaklah diminta bekerjasama dalam perkara ini.

Saya yakin jika sekiranya Kerajaan bersedia mengadakan satu rancangan pembahagian tanah raksaksa untuk memberi tanah kepada petani-petani yang tidak bertanah ini bukan sahaja akan membantu menyelesaikan masalah kemiskinan dan juga saya yakin bahawa inipun adalah salah satu jalan yang mana Kerajaan dapat juga membahagikan tanah secara adil kepada pihak yang ingin bercucuk tanam.

Tuan Pengerusi, pada masa yang lalu kemiskinan di luar bandar di kalangan petani ialah oleh sebab mereka tidak dapat menikmati keuntungan yang bersifat kebendaan hasil dari pembangunan negara. Dalam banci pertanian tahun 1960 masih ada menunjukkan bahawa 50% daripada semua tanah-tanah pertanian adalah di bawah luas 4 ekar. Hitung panjang luas kebun-kebun kecil getah ialah 5.2 ekar dan lebih kurang 24% daripadanya adalah di bawah 3 ekar dan lebih kurang 46% di bawah 5 ekar. Bagi tanaman pada bendang, hitung panjang luas tanah ialah 2.5 ekar dan lebih kurang 54% sawah-sawah adalah di bawah luas 3 ekar dan 78% pula di bawah luas 5 ekar. Amalan pemecahan tanah yang berterusan di kalangan pekebun-pekebun kecil boleh menjadikan penggunaan tanah ini tidak ekonomik untuk diteruskan, tambahan pula dengan adanya sistem absentee landlords yang memeras tenaga petani-petani menyebabkan keadaan hidup mereka lebih teruk.

Mengenai keperluan kaum petani saya rasa adalah mustahak supaya perkara-perkara yang berikut dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin:—

- (1) mengkaji semula dan meminda beberapa Undang-undang Tanah Negara supaya boleh menguntungkan kaum petani;
- (2) memperbaiki dan memperluaskan perkhidmatan luar oleh Jabatan-jabatan Pertanian;

- (3) mencari cara-cara yang sesuai untuk menstabilkan bekalan dan harga bahan keluaran pertanian;
- (4) melaksanakan rancangan penyusunan semula tanah dan memberikan tanah-tanah kepada petani-petani yang mengusahakan secara sendiri;
- (5) keutamaan memberi hakmilik-hakmilik tanah pertanian mestilah benar-benar diuntukkan kepada mereka yang betul-betul mengusahakan tanah itu;
- (6) menggalakkan penanaman padi atau penanaman modal besar-besaran yang berasaskan perusahaan pertanian moden; dan
- (7) menolong petani-petani menyusun dan menguruskan Persatuan Ekonomi Pertanian yang viable supaya mengawal aktiviti mereka menjadi lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk sedikit mengenai Kepala B. 24, Butiran 3100, Aktiviti (3) Sumber-sumber Alam (a) Perikanan. Dengan harga ikan yang begitu tinggi pada masa sekarang di mana sesuatu keluarga sederhana tidak mampu membelinya. Jaminan yang diberi oleh Kerajaan di Dewan ini tentang apa yang sedang dibuat untuk menentukan terdapat bekalan ikan yang cukup bagi pengguna-pengguna tempatan nampaknya tidak begitu memuaskan pengguna-pengguna. Ketika menjawab satu pertanyaan yang dikemukakan oleh saya dalam Dewan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah berkata bahawa Kementerian yang berkenaan sedang mengkaji kemungkinan mengadakan kawalan ke atas eksport semua jenis ikan dan beliau pun ada kata bahawa di antara langkah-langkah yang diambil ialah untuk menambahkan pengeluaran ikan termasuk mengadakan kajian sumber ikan laut dalam untuk kemungkinan mengadakan projek penangkapan ikan laut dalam, mengadakan projek-projek pemeliharaan ikan air tawar dan ikan air payau secara kommercial, mengadakan projek pembinaan terumbu laut dan akhirnya menghentikan pengeluaran

lesen-lesen baru bagi pukut tunda dalam kawasan 12 batu.

Tuan Pengerusi, langkah-langkah ini adalah merupakan langkah-langkah jangka panjang (long term measures) dan para pengguna tidak boleh mendapat apa-apa faedah serta-merta dan mereka terpaksa membayar harga yang tinggi untuk ikan yang dibeli oleh mereka tiap-tiap hari. Saya ingin menyeru Kerajaan mengambil tindakan yang lebih berkesan yang akan membawa faedah kepada para pengguna yang akan dapat membeli ikan dengan harga yang murah dan satu cara untuk membuat demikian ialah untuk mengenakan kawalan ke atas eksport semua jenis ikan dengan secepat yang boleh.

Tuan Pengerusi, adalah anih harga ikan dalam negara kita telah naik, tadi saya ada kata 12% dari tahun yang lalu, meskipun pengeluaran ikan telah bertambah tahun ini. Mengikut Laporan Ekonomi Perbendaharaan yang menyatakan bahawa ikan yang ditangkap pada tahun 1977 berjumlah kira-kira 500,000 tan iaitu 5% lebih daripada tahun yang lalu, tetapi yang menghairankan lagi ialah harga ikan yang melambung naik itu tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada kaum nelayan oleh sebab mereka masih tinggal di dalam golongan yang miskin. Sungguhpun langkah-langkah yang diambil oleh MAJUI-KAN dan Jabatan Perikanan untuk memperbaiki daya penghasilan mereka seperti membekalkan subsidi untuk membeli enjin-enjin pukut, alat-alat menangkap ikan dan lain-lain adalah dihargai akan tetapi lebih banyak patut dibuat untuk menentukan bahawa kaum nelayan mendapat ganjaran yang saksama dari usaha-usaha mereka. Sistem pasaran ikan pada pandangan saya mestilah diperbaiki supaya pembahagian dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan juga pusat-pusat pemasaran dalam bandar besar patut ditambah. Percubaan-percubaan hendaklah dibuat untuk mengadakan perdagangan secara langsung, dengan cara ini saya percaya dan yakin harga ikan akan berkurangan dan ini akan tentulah membawa faedah kepada para pengguna.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh Kepala P. 24 Aktiviti 105, muka surat 158 mengenai Rancangan Tebatan Banjir, Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, saya memerhatikan bahawa Kementerian yang berkenaan bercadang membelanjakan \$6.5 juta pada tahun 1978 untuk pembangunan bagi tujuan Rancangan Tebatan Banjir di Kuala Lumpur. Memandangkan kepada hakikat bahawa Kuala Lumpur selalu menghadapi banjir khususnya banjir kilat (flash floods) selepas hujan satu atau dua jam, perkara ini hendaklah dipandang berat oleh pihak yang berkenaan. Sebagai saya telah katakan dalam Dewan ini apabila hujan selama satu jam atau dua jam banyak tempat-tempat khususnya tempat-tempat rendah akan dibanjiri oleh bah. Apabila berlakunya banjir di Kuala Lumpur iaitu bukan sahaja membawa kesesakan lalu-lintas tetapi juga menyebabkan kesulitan di tempat-tempat yang rendah khususnya di kawasan kediaman yang rendah khususnya kawasan-kawasan setinggan. Sebab utama banjir berlaku di Kuala Lumpur ialah oleh kerana ketiga-tiga sungai yang besar yang mengalir melalui Bandaraya ini iaitu Sungai Bunus, Sungai Batu dan Sungai Gombak telah menjadi cetek kerana hakisan tanah-tanah bukit. Adalah dikesalkan bahawa pada masa dua atau tiga tahun yang lalu perhatian tidak diberikan untuk mendalamkan dan meluaskan sungai-sungai tersebut. Oleh sebab itu penimbusan (silting) telah berlaku dan banjir tidak dapat dielakkan. Memandang kepada hakikat bahawa banjir sering berlaku di Kuala Lumpur di mana banyak kerosakan telah jadi, saya rasa adalah perlu untuk merangka dan melaksanakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi banjir itu dengan secepat mungkin.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa ampangan (dams) akan dibina di atas sungai yang mengalir melalui Kuala Lumpur sebagai satu langkah untuk mencegah banjir di Bandaraya kita dan pada anggapan saya ini adalah satu langkah jangka panjang yang akan diambil. Tetapi ini akan memerlukan beberapa tahun sebelum projek ini dapat

disiapkan. Seperti juga Rancangan Tebatan Banjir yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi untuk Kuala Lumpur sungguhpun dialu-alukan tetapi ini pun merupakan satu langkah jangka panjang yang akan memakan masa sebelum ia dapat dibina dan disiapkan dan dilaksanakan. Memandangkan kepada sebab-sebab tersebut di atas saya ingin mencadangkan bahawa semasa menunggu langkah-langkah jangka panjang dilaksanakan, langkah-langkah jangka pendek atau langkah-langkah sementara yang tertentu hendaklah, patutlah dan mestilah diambil untuk tebatan atau mengurangkan banjir di Bandaraya kita setiap kali hujan. Di sini saya ingin menggesa Jabatan yang berkenaan untuk menubuhkan pasukan pencegah banjir khas (anti-flood squad) yang terdiri daripada pekerja-pekerja dan penasihat-penasihat teknik daripada Jabatan yang berkenaan untuk sentiasa memeriksa pembetong-pembetong dan longkang-longkang yang penuh sesak dengan kekotoran sebagai satu langkah sementara untuk mengurangkan banjir sebelum sekiranya tebatan banjir dapat dilaksanakan. Jabatan tersebut patutlah mengambil langkah untuk mengorek, mendalam dan memperluaskan Sungai Gombak dan Sungai Batu supaya penembusan sungai dapat diatasi.

Saya juga berharap bahawa Kementerian yang berkenaan dapat menubuhkan satu Pejabat Parit dan Taliair di Wilayah Persekutuan dengan secepat mungkin supaya pejabat ini dapat menguruskan segala kegiatan tentang masalah banjir di Bandaraya kita.

Yang akhirnya, saya ingin menyentuh Kepala P. 24, Aktiviti 3, muka surat 153 mengenai kemudahan-kemudahan Penyelidikan MARDI. Mengenai kemudahan-kemudahan penyelidikan MARDI, saya ingin menyeru pihak MARDI supaya menjalankan penyelidikan yang lebih intensive lagi terhadap penanaman kopi dalam negara kita. Langkah-langkah hendaklah dirangka untuk memestakan penanaman kopi supaya negara kita dapat

mengeluarkan hasil kopi secukupnya untuk kegunaan negara kita. Dengan bertambahnya pengeluaran kopi untuk kegunaan para pengguna maka kita tidak perlu bergantung kepada impot kopi dan di samping itu rakyat Malaysia dapat menikmati faedah dari pengeluaran kopi yang bererti harga kopi akan turun. Harga kopi 'O' di negara kita melambung naik tidak lama dahulu kerana harga biji kopi telah naik. Saya percaya jika harga biji kopi diturunkan dengan bertambahnya pengeluaran kopi maka pengguna-pengguna di negara ini dapat menikmati harga kopi yang lebih murah dan saya yakin ini satu cara yang mana kita dapat memberi faedah kepada para pengguna kita.

4.57 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):

Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Belanjawan yang dikehendaki oleh Kementerian Pertanian dan di sini saya ingin bercakap dengan ringkas iaitu berkaitan dengan perkara-perkara yang penting di bawah Kepala P. 24, Pertanian Sarawak di mana Negeri Sarawak mendapat sebanyak \$9,400,000 untuk tahun 1978 dibandingkan \$9,700,000 dalam tahun 1977. Di sini saya suka menyentuh Rancangan Taliair. Pada tahun 1978 wang peruntukan \$2,450,010 dan pada tahun 1977 \$1,784,000. Ini adalah lebih sedikit dari tahun 1977. Butiran 146 Rancangan-rancangan Parit, Sarawak wang yang diuntukkan dalam tahun 1978 \$2,340,000 berbanding tahun 1977 sebanyak \$3,040,000, ini ada kurang sedikit.

Tuan Pengerusi, baru sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Pertanian mengatakan bahawa Kerajaan Pusat sanggup memberi bantuan kepada petani-petani yang berpendapatan rendah, juga Kerajaan sanggup menyediakan rancangan-rancangan untuk menseimbangkan pembangunan di antara negeri-negeri yang kurang maju. Ini memanglah disambut baik oleh rakyat di seluruh negara. Negeri Sarawak mempunyai tanah yang amat besar dan luas dan banyak tempat-tempat yang sesuai untuk membuka kawasan-kawasan

sawah. Contohnya di kawasan saya sawah padi di Tanjung Bijat dan di Banting, Lingga, Semanggang Sarawak. Kedua, kawasan itu sudah terbuka dalam tahun 1941 iaitu waktu Jepun, akan tetapi sehingga hari ini kawasan itu belum lagi dapat mengeluarkan hasil dua kali dalam satu tahun. Dalam tahun 1977 ini Yang Berhormat Menteri Pertanian melawat ke kawasan tersebut, dan kawasan itu amatlah memerlukan wang yang besar.

Tuan Pengerusi, hari ini kawasan itu belum lagi dapat mengeluarkan hasil dua kali dalam setahun dan kawasan itu saya sendiri sudah beberapa kali diberitahu oleh rakyat di kawasan tersebut, kawasan tersebut amatlah memerlukan bantuan yang besar supaya parit-parit dan taliair yang di kedua-dua kawasan itu dapat berjalan dengan sempurna dan tidak lagi berlaku pengangguran. Dengan demikian tentulah mereka dapat menambahkan hasil pertaniannya dari masa ke semasa dengan jalan yang baik dan hasil pertanian dapat dijual dengan harga yang sesuai. Yang kedua jalan di kawasan tersebut patutlah diperbaiki supaya boleh memberi kemudahan perkhidmatan kepada petani-petani dengan lebih sempurna. Pengurus-pengurus kawasan kepada petani-petani di kawasan itu seperti pihak Jabatan Parit dan Taliair mestilah duduk di kawasan itu supaya dapat memberikan pandangan dan perkhidmatan dengan baik.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, di Sarawak banyak penanam padi bukit memohon supaya dapat Kerajaan memberi timbangan kepada mereka. Semasa jawapan soal jawab dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian menyatakan Kerajaan Pusat sanggup menyediakan sum-sum kepada seluruh rakyat. Akan tetapi, sum-sum itu untuk dijual mengikut penerangan beliau. Maksud saya, Tuan Pengerusi, sum-sum yang dijual sekarang patutlah dijual dengan harga yang murah sekiranya jika ada cukai atas penjualan sum-sum itu saya merayu kepada Menteri yang bertanggungjawab dapat mengatasi masalah ini supaya keadaan itu

dapat diperbaiki dan cukai-cukai itu patutlah dihapuskan dengan segera.

Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad: Sum-sum itu apa maksudnya?

Tuan Pengerusi: Sum-sum itu apa Yang Berhormat?

Tuan Edwin anak Tangkun: Fertilizer (baja).

Tuan Pengerusi: Baja. Perkataan bahasa apa itu Yang Berhormat?

Tuan Edwin anak Tangkun: Baja padi. Tuan Pengerusi, perkataan bahasa Iban. Oleh kerana di Negeri Sarawak banyak permohonan yang datang daripada rumah panjang atau datang daripada luar bandar, permintaan itu banyak tidak berjaya dan saya sekali lagi merayu kepada Menteri yang bertanggungjawab supaya dapat mengadakan satu cara yang tegas untuk menyiasat dan mengatasi masalah ini supaya keadaan itu dapat diperbaiki.

Berkenaan dengan Rancangan Bantuan Lada Hitam, dalam muka surat 155 Butiran 41, saya juga ingin menyentuh sedikit walaupun wang yang diperuntukkan sama dengan tahun 1977 akan tetapi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab supaya bantuan rancangan lada hitam itu dijalankan dengan cepat supaya dapat dalam tahun 1977 wang yang diperlukan kepada penanam lada hitam di kawasan saya dapat dijalankan dengan terus. Oleh yang demikian, saya sekali lagi merayu kepada Menteri yang bertanggungjawab supaya perkara ini dapat disiasat mengapakah permohonan-permohonan rakyat yang benar-benar suka menanam lada hitam itu tidak diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, saya sendiri sudah beberapa kali menyampaikan permintaan rakyat itu kepada jabatan yang berkenaan dan didapati 30% permintaan itu diterima oleh

jabatan yang berkenaan. Oleh yang demikian, saya berharap supaya Kerajaan Pusat dapat menambahkan wang yang diperuntukkan kepada rancangan itu diperbesar.

Tuan Pengerusi, semasa Dewan ini membentangkan Anggaran Perbelanjaan 1978 banyak Ahli-ahli Yang Berhormat dari Negeri Sarawak bercakap berkenaan dengan cukai lada hitam dan petang ini juga saya sekali lagi merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab supaya menghapuskan cukai lada hitam supaya rancangan lada hitam di seluruh negara ini dapat digalakkan dan perasaan penanam lada hitam di seluruh negara berasa puas hati sekiranya Kerajaan dapat menghapuskan cukai lada hitam, atau mengurangkan cukai yang ada sekarang.

5.05 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam B. 24, muka surat 147, Aktiviti 2(a) Pertanian. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan sesudah mendapat banyak peruntukan dapat memajukan pertanian, maka subsidi-subsidi pertanian itu walaupun sudah ada saya berpendapat patutlah dilebihkan lagi seperti baja seboleh-bolehnya untuk pertanian, khususnya kepada padi. Dalam Dewan yang mulia ini saya selalu minta menaikkan harga padi, tetapi padi ini adalah dalam Kementerian yang lain, kerana kos baja terlampau mahal maka tiada jalan lain bagi saya, saya berharaplah Menteri yang berkenaan memberi satu keistimewaan subsidi baja itu patut diutamakan kepada pak tani.

Kedua, Tuan Pengerusi walaupun hari ini saya ucapkan tahniah kerana boleh dikatakan benih-benih dalam pertanian semua benih-benih yang baik dan ada benih-benih yang baharu yang diusahakan Menteri sendiri. Saya ucapkan tahniah. Saya dapat tahu angka pun akan ditanam di tempat yang sesuai iaitu di Pantai Timur kalau tidak silap saya, begitu juga janggus atau jagus, kata orang Perlis. Saya berharap ikhtiarkan lagi benih-benih

yang baik, kalau boleh macam benih-benih padi cari padi-padi yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak dalam masa yang singkat dan buat bendang tiga kali mengikut masa yang sesuai dan seimbang.

Saya beralih dalam muka surat 152 berkenaan dengan MARDI. Saya harap MARDI ini juga akan berikhtiar mencari benih-benih yang baik dan tempat-tempat yang sesuai untuk bercucuk-tanam. Saya yakin, sekiranya ada ikhtiar yang baik dan ada tempat yang sesuai untuk bercucuk-tanam ditambah pula dengan pasarannya dapat dijamin tidak ada tanah yang kosong yang didapati, terutama di luar bandar, kerana penduduk luar bandar setahu saya cukup rajin, tetapi mereka segan hendak menanamnya kerana tanaman itu tidak jadi, kalau jadi tanaman itu baik pasarannya tidak terjamin. Maka dengan sebab itu saya harap kepada Menteri yang berkenaan berikhtiar cari benih yang baik, tanah yang baik dan pasarannya terjamin.

Tuan Pengerusi, bercakap saya pula dalam Kepala B. 24, Aktiviti (6) (b) Parit dan Tali air. Kita tahu di segi tanaman, tanaman apapun tidak akan naik kalau tiada air. Ini tidak dapat dinafikan. Kalau air terlampau lebih pun tidak naik dan kalau tiada langsungpun lagi tidak naik. Parit yang menyalur air amat mustahak. Saya mendengar berita angin, dan saya yakin banyak orang kata dan boleh dipercayai iaitu satu saluran air yang boleh diadakan di Perlis. Di sempadan Perlis dengan Thailand iaitu dekat dengan Wan Klian. Kalau di situ disiasat oleh Menteri berkenaan dan dibuat satu paip yang besar agak saya boleh mencukupi air untuk Perlis Utara. Kalau hari ini kita masih korek parit, tetapi kalau parit ada, air tiada kerana musim panas atau musim kemarau, ada parit sahaja itu tidak bererti padahal parit yang dikorek begitu mahal. Oleh sebab itu, saya berharap sumber-sumber air yang mustahak patut diikhtiar. Saya minta Menteri yang berkenaan dengan pegawainya sendiri menyasiat tempat yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, taliair banyak dibuat dan juga ampangan (belat). Saya amat dukacita kerana kadang-kadang belat yang dibuat untuk menaikkan air ke satu tempat yang berpatutan dengan tujuan ampangan tadi tetapi yang peleknya tempat yang dibuat belat itu tidak munasabah. Kalaulah kita berjumpa dengan jurutera — katanya jangan ditegur. Saya ada kelulusan. Saya tidak nafikan, Tuan Pengerusi, tetapi tidak boleh kita menafikan juga kadang-kadang alah bisa tegah biasa. Penduduk-penduduk kampung juga tahu kerana selalunya air itu dituju, ke selatan atau ke utara — tempatnya begini, tiba-tiba dibuat oleh jurutera tadi tempat yang tidak menasabah maka dibuat empangan; empangan yang dibuat berpuluh ribu ringgit itu tinggallah ampangan walaupun wang telah banyak dibelanjakan. Maka dengan sebab itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya menasihatkan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan walaupun dia ada ijazah, pendapat umum yang duduk berpuluh-puluh tahun di tempat itu patutlah ditanya sedikit-sebanyak, apatah lagi kalau umum mengatakan bahawa ini tidak patut dibuat maka janganlah ditunjukkan yang ia seorang engineer, akhirnya wang Kerajaan dan wang rakyat juga yang rugi.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala B. 24 Aktiviti (4) Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa. Saya ucapkan tahniah yang tidak terhingga kerana dalam Pembangunan Masyarakat yang dahulunya dikatakan kelas dewasa telah dibuat sungguh-sungguh oleh Kementerian yang berkenaan. Saya dapat tahu elaun pun akan dinaikkan sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di masa menjawab perbincangan Belanjawan yang lepas. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan juga Menteri Kewangan. Saya difahamkan bahawa tanggungjawab penyelia Kemajuan Masyarakat ini amatlah banyak, maju desa dan sebagainya. Kalau berita ini benar, saya ucapkan terima kasih iaitu tiap-tiap negeri akan ditambah satu kawasan seorang Penyelia Pembangunan Masyarakat.

Jadi, saya berharap dan merayu kalau negeri lain ditambah satu kawasan bagi seorang Penyelia maka Negeri Perlis pun berkehendakan itu juga walaupun Perlis itu kecil, namun negeri tetap negeri, masaalahnya adalah sama.

Juga saya masih ingat di masa-masa yang lepas dalam Dewan ini kalau diizinkan saya bercakap dalam perkara Kepala Pembangunan Masyarakat, ianya telah dibuat dewan-dewan kecil dengan harganya \$500 ataupun \$1,000. Jadi patutlah sangat kelas pembangunan masyarakat ini diadakan satu tempat khas walaupun bangunan itu agak \$1,000 ataupun \$500 kalau digunakan di rumah-rumah orang ini, saya agak tidak begitu sesuai, tidak begitu bebas hendak mengajar dan sebagainya. Kementerian yang berkenaan patutlah buat balik seperti di masa-masa yang lepas.

Bercakap berkenaan dengan Taman Bimbingan Kanak-kanak di bawah Kepala Pembangunan Masyarakat, saya berpendapat bahawa sejak akhir-akhir ini Taman Bimbingan Kanak-kanak tidak begitu mendapat sambutan. Salah satu sebab yang besar ialah dikenakan bayaran. Seorang kanak-kanak yang masuk ke Taman Bimbingan Kanak-kanak tadi dikenakan sampai \$6.00 sebulan. Maklum sahajalah penduduk kampung \$6.00 sebulan itu walaupun kita berbelanja sehari \$6.00 tetapi bagi penduduk-penduduk kampung hendak adjust perbelanjaan membeli ikan, beras dan sebagainya, walaupun sedikit, dipandangannya banyak bagi orang yang berpendapatan kecil. Saya berharap kalau boleh dipercumakan terus bayaran Taman Bimbingan Kanak-kanak tadi.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak bercakap berkenaan dengan Pembangunan Koperasi. Saya amat tertarik hati dan mengucapkan tahniah. Koperasi ini kita tidak menafikan adalah satu jenis yang baik — satu pakatan yang amat baik tetapi saya dapati dua sebab yang pada pendapat saya patut digiatkan lagi. Satu, penerangan kepada ahli-ahli bukan

kepada ahli-ahli sahaja, juga kepada orang ramai tentang tujuan atau faedah koperasi. Yang keduanya, janganlah koperasi ini semata-mata atas satu matlamat, biarlah koperasi yang kita buat ini atas prinsip pelbagai guna. Kalau misalnya dalam segi peladang, koperasi menanam padi, koperasi membeli baja, koperasi membuat kilang; pendeknya menanam pun kita membeli pun kita, memproses pun kita dan menjual pun kita.

Tuan Pengerusi, saya teringat dalam taklimat yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa seorang hamba Allah menyentuh berkenaan dengan perikanan, katanya pendapatan nelayan tidak seberapa, yang boleh dapat wang yang banyak ialah orang tengah ataupun taukeh. Saya kata keadaannya semacam bukan nelayan sahaja, petani pun begitu. Katanya orang yang tidak pernah turun ke laut itu mendapat untung yang banyak, dan kadang-kadang terpaksa tenggelam timbul pendapatannya sedikit sangat. Yang berpenat, yang berhujan tidak dapat seberapa manakala yang tidak pernah tengok padi dan turun ke sawah, merekalah yang paling untung kerana pasarannya orang lain yang pegang. Jadi, kalau boleh koperasi ini biarlah daripada A sampai Z kita pegang, itu harapan saya, dan penerangan yang lebih lanjut patutlah diberi kepada ahli-ahli semua.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan MAJUTERNAK ataupun Jabatan Haiwan. Saya ucapkan terima kasih yang rancangan Kerajaan akan membesarkan berkenaan haiwan dengan memberi ternakan dan sebagainya. Saya berharap soal benih patut diutamakan. Saya dapat tahu telur menetas yang kita dapati di Malaysia — benih anak ayam didapati di Malaysia masa 4 bulan tidak sama dengan masa anak ayam yang kita dapat di Negeri Thai. Saya tahu kerana saya duduk dekat dengan Negeri Thai. Anak ayam di Negeri Thai dalam masa dua bulan setengah boleh jadi empat kati tetapi yang kita punya 4 bulan hendak dapat 4 kati pun susah sedangkan kos dedak dan sebagainya adalah mahal.

Saya berharap kalau boleh selain daripada ikhtiar diadakan benih yang baik, masa yang cepat — itu diutamakan.

Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan dengan Lembaga Persatuan Peladang. Ini saya ucapkan tahniah kerana boleh dikatakan negeri saya Perlis, Yang Berhormat Menteri pun sudah pernah melawat sampai tiga hari, semua tempat dia pergi, begitu juga dengan Yang Berhormat Timbalan Menterinya, sebagai Pengerusi Peladang. Dalam kawasan saya ada 6 buah pertubuhan peladang dan lima tempat yang ada bangunan, satu lagi tidak ada. Saya berharap kalau boleh tahun hadapan ikhtiarkanlah peruntukan tersebut. Tuan Pengerusi, soal yang selalu berbangkit ialah berkenaan dengan trakter. Yang kedua, pam air. Trakter yang diberikan oleh Kementerian yang berkenaan kadang-kadang terlampau lambat. Saya berharap kalau boleh Persatuan Peladang diutamakan satu jentera pembajak walaupun sudah diberi, itu saya tidak nafikan. Saya sendiri selalu menyaksikan bersama-sama dengan Timbalan Menteri sewaktu menyampaikan hadiah kepada mereka yang berkenaan. Saya harap dapat diberi lebih banyak lagi pada tahun hadapan.

Yang kedua, pam air. Pam air ini amat mustahak walaupun pam itu kecil asalkan kita dapat gunakan dengan segera. Padi adalah seperti manusia juga yang mana manusia ada had boleh bernyawa, kalau tak bernyawa dalam sekian jam teruk dan boleh maut. Jadi padi pun demikian juga. Kalau diberi air lewat, sesudah padi itu timbul uban putih kata orang kampung, tatkala itu tak payahlah dibubuh air lagi kerana membazir. Sebab itulah saya berpendapat pam air tadi hendaklah disediakan dengan serta-merta sebolehnya dalam masa yang berkenaan.

Setakat itulah, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan saya berharap sangat kepada Menteri berkenaan dan saya percaya beliau pun bersungguh-sungguh simpati dengan pak tani supaya rayuan saya

yang ikhlas ini akan mendapat timbangan daripada beliau.

5.21 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Pertanian. Saya cuma hendak menyentuh satu perkara sahaja. P. 24 di muka surat 163, Butiran 195 iaitu Perkembangan Kawasan Padang Ragut.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya di Perak Tengah terdapat sebanyak lebih kurang 50 buah padang ragut yang luasnya tiap-tiap satu lebih kurang 100 ekar dan ada yang lebih besar dari itu sehingga seluas 378 ekar seperti mana yang terdapat di Kampung Lambor Kanan, Kubang Chandung dan Bota Kanan. Keadaan padang-padang ini semua seperti hutan simpan. Keadaan binatang ternakan di dalam padang ragut itu tidak memuaskan kerana kurus kering dan tulang-belakangnya pun timbul kerana tidak mendapat makanan yang cukup iaitu binatang yang dilepaskan di padang ragut itu. Dan apabila musim menanam padi sampai terdapat kerbau yang lepas lanang merayau-rayau di dalam bendang serta memakan padi serta semeian-semaian dan kawasan bendang yang berhampiran pun dimakannya dan selalu timbul perbalahan antara tuan punya bendang dan penternak. Di sini saya suka mengesyorkan kalau boleh supaya Kerajaan membeli 1-2 buah jentera berat seperti bulldozer untuk kerja-kerja menolak pokok dan hutan dalam satu-satu padang ragut itu sampai bersih dan kemudian barulah diserahkan kepada Ahli Jawatankuasa padang ragut untuk ditanam dengan rumput gajah dan guinea iaitu mini-grass serta lain-lain jenis rumput yang baik untuk makanan ternakan di situ. Kerajaan pula hendaklah juga membuat peruntukan wang atas kerja-kerja ini dan memberi secara kontrek atau pemborong untuk menolak pokok atau menebas padang ragut ini dengan upah bagi satu-satu ekar mengikut keadaan

hutan ini. Kemudian barulah ditanam dengan rumput dari jenis yang baik dan diserahkan balik kepada Ahli Jawatankuasa padang ragut itu. Kerajaan hendaklah juga meluluskan permohonan satu-satu padang ragut itu diberikan kepada satu-satu pengusaha untuk menanam ubi kayu atau pisang iaitu tanaman yang tidak kekal selama 3-4 musim tanpa lesen. Kemudian apabila habis tempohnya barulah diserahkan balik kepada Ahli Jawatankuasa padang ragut itu untuk ditadbirkan oleh mereka. Setahu saya Jabatan Haiwan ada membuat kerja secara bergotong-royong dan banyak wang sagu hati telah diberikan kepada setengah padang ragut itu, tetapi gagal semuanya kerana apabila ditebas di kawasan hadapan, di kawasan belakang naik rumput dan bantuan seperti itu membazir sahaja yang bererti membazirkan wang Kerajaan dan rakyat.

5.25 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bahagian P. 24 Butiran 16 dan 18 di muka surat 154 mengenai Lembaga Kemajuan Ternakan Negara, Perusahaan Haiwan serta Pusat Penyelidikan dan Latihan Ternakan serta Rancangan Daging/Penusu.

Ke semua ketiga butiran yang saya sebutkan tadi diperuntukkan sebagai tanda sahaja berjumlah \$30 bagi tahun 1978 untuk Negeri Sarawak. Kementerian ini adalah suatu Kementerian yang menjadi tumpuan rakyat di luar bandar terutama rakyat bumiputra di Negeri Sarawak. Segala dasar ataupun peruntukan daripada Kementerian ini sudah pasti dapat memperbaiki taraf hidup petani dan nelayan yang terdiri daripada sebilangan besar rakyat. Kami tidak berasa hampa walaupun di bawah tiga butiran yang saya sebut itu hanya sebagai peruntukan tanda sahaja, kemungkinan juga Kementerian ini atau Kerajaan Pusat begitu menyedari kehendak rakyat di Sarawak supaya di segala bidang kemajuan pertanian dan penyelidikan atau latihan sangat-sangat diperlukan pada

masa ini bagi memberi makna yang tepat supaya negara kita tidak bergantung sangat kepada bahan makanan yang boleh tumbuh di negara ini dibawa masuk daripada negara luar. Oleh itu, saya merayu kepada yang berkenaan bahawa peruntukan sebanyak \$30 sebagai tanda itu boleh dibuat sampai \$30 juta apabila dikehendaki bagi menjayakan projek-projek yang berkenaan. Memandangkan kepada keadaan negara kita sekarang masih lagi mengimpot daging dan susu serta makanan lain daripada negara luar, sedangkan tanah di negara kita ini terutama di Negeri Sarawak masih terbentang luas menunggu untuk diusahakan. Rakyat sendiri pada masa ini tidak terdaya untuk mengusahakannya jika tidak ada bantuan dan tunjuk ajar serta nasihat daripada pihak yang bertanggungjawab.

Pihak Kerajaan di Sarawak baru-baru ini telah memberitahu kepada rakyat di daerah saya iaitu ada projek ternakan lembu di kawasan tanah lima ribu ekar di antara Mukah dan Balingian akan dibuat di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Walaupun pada hari ini belum lagi terbukti kenyataan itu, apa yang kami harapkan supaya perkara yang telah diumumkan kepada rakyat tidak tinggal sebagai angin lalu sahaja. Sekarang tempoh Rancangan Malaysia Ketiga telah hampir meningkat kepada paras setengah umurnya. Adakah rancangan ternakan lembu yang saya maksudkan itu dibuat selepas Mid-Term Review Rancangan Malaysia Ketiga?

Menyentuh tentang Lembaga Pemasaran Pertanian yang mendapat peruntukan sebagai pinjaman tahun 1978 sebanyak \$174,000 di muka surat 154, Butiran 18 kami berharap Lembaga ini mencari jalan supaya harga lada hitam atau lada putih daripada Negeri Sarawak seperti yang telah dibangkitkan oleh rakan saya daripada Batang Lupar tidak begitu jauh perbezaannya sehingga lebih kurang \$100 pada satu pikul dengan lada hitam atau lada putih yang dikeluarkan dari negeri di Semenanjung, walhal segala harga

baja dan racun serangga untuk tanaman lada harganya lebih mahal di Negeri Sarawak jika dibandingkan dengan negeri di Semenanjung ini. Pihak yang berkenaan juga tidak sepatutnya membiarkan penanaman lada di Sarawak dikenakan segala beban lebih berat daripada saudara mereka penanam lada di Semenanjung. Kami berharap Jemaah Pemasaran Lada Hitam di Sarawak bersama-sama mencari jalan untuk mengatasi masalah seperti ini. Adakah mutu lada hitam di Sarawak tidak sama dengan mutu lada hitam atau lada putih dalam negeri lain di Malaysia? Saya juga merayu kepada Lembaga Pemasaran Pertanian supaya dapat mencari jalan bagi mengatasi untung nasib harga tepung sagu semenjak 20 tahun sudah tidak berubah daripada \$9-\$10 bagi satu pikul. Ini juga hasil pertanian yang sudah begitu lama di Sarawak sebelum getah dan lada wujud lagi.

Menyentuh di Butiran 40, 41 dan 42 di muka surat 155 mendapat peruntukan berjumlah \$9,400,000. Dengan izin Tuan Pengerusi, saya menyentuh perkara tersebut sekali gus. Penyelidikan pertanian adalah satu perkara yang sangat perlu bagi menentukan satu-satu tanaman yang tertentu di kawasan tanah yang tertentu juga. Saya berasa dukacita apabila melihat di satu kawasan lebih kurang 100 ekar di daerah saya di antara Kuala Sungai Penat dengan Kuala Mukah lebih kurang 10 tahun dulu di mana rakyat di situ mengambil bahagian dalam rancangan menanam kelapa yang digalakkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sarawak. Malangnya, apabila sampai 3 atau 4 tahun umur kelapa itu mulai bertukar keadaan makin lama semakin kuning warna daunnya dan begitu juga pokoknya makin lama semakin kecil sehingga besar batang pinang dan langsung tidak memberi hasil apa-apa kepada mereka yang mengambil bahagian dalam rancangan itu. Ini boleh dilihat sampai hari ini di tepi jalan dari Kuala Sungai Penat sampai Mukah yang saya sebut itu. Ini sudah tentu merugikan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Apa yang saya difahamkan oleh yang berkenaan di situ hal ini disebabkan tanahnya tidak sesuai iaitu tanah pasir keras, cuma lebih kurang 6 inci sahaja berupa tanah hitam di atas. Beginilah satu-satu rancangan tidak diselidiki dengan cara teliti lebih awal yang boleh merugikan wang rakyat dan masa serta menghampakan rakyat. Saya yakin pada masa sekarang perkara seperti ini tidak berlaku lagi disebabkan banyak pegawai-pegawai yang mempunyai pengetahuan di bidang penyelidikan pertanian, bukan sahaja untuk menentukan tanah-tanah yang sesuai, apa yang penting juga benih yang baik mesti ditentukan. Jika kelapa janganlah terkena benih kelapa muda atau benih yang tidak baik. Begitu juga tanaman yang lain-lain supaya harapan rakyat dan Kerajaan tidak disia-siakan.

Mengenai rancangan Bantuan Lada Hitam pula, ini adalah satu rancangan yang sangat digemari oleh rakyat di Negeri Sarawak. Peruntukan sebanyak \$4,500,000 bagi tahun 1978 adalah serupa sahaja dengan peruntukan tahun 1977. Kami berharap pihak yang bertanggungjawab atas perkara rancangan ini meneliti dengan cermatnya bagi penyakit lada. Satu kebun lada yang sudah berumur 3 tahun sebanyak hampir 500 pokok dipunyai oleh seorang ketua rumah panjang bernama Tuairuma Jiran, Nibong Mali, Ulu Mukah, diserang penyakit lada pada awal tahun ini telah habis mati dalam jangka tempoh satu bulan sahaja. Ini mengikut keterangan yang diberi kepada saya oleh yang berkenaan itu sendiri.

Tuan Pengerusi, rancangan mempelbagai pertanian adalah satu perkara yang sangat menggalakkan kaum tani di Negeri Sarawak, malangnya peruntukan pada tahun 1978 serupa juga dengan peruntukan tahun 1977 yang boleh dilihat dalam buku Belanjawan di hadapan Dewan yang mulia ini yang sedang kita bahaskan sekarang. Walaupun demikian, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini atas segala usaha yang ber-sungguh-sungguh bagi kemajuan pertanian untuk mempertingkatkan taraf hidup kaum

tani dan nelayan. Kita berharap kakitangan yang ditugaskan melawat tempat pekebun-pekebun yang berkenaan dapat memberi bimbingan yang lebih baik lagi seperti latihan teori dan amali kemajuan pertanian berpandukan kepada pengetahuan sains dan teknologi moden. Jangan pula ada yang asyik berbual-bual perkara politik serta mengecam pemimpin-pemimpin Kerajaan seperti terdapat dua atau tiga pegawai JAA (Junior Agricultural Assistant) atau AA (Agricultural Assistant) di daerah saya.

Menyentuh Butiran 145, 146, 147, 148, 149, 150, 151, dan 152 di muka surat 160 dan 161 yang mendapat peruntukan berjumlah semua \$5,790,010 bagi Sarawak. Rancangan Taliair memang perkara yang diperlukan oleh penanam padi paya di Sarawak. Oleh itu, saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya satu kawasan tanah paya lebih kurang 2,000 ekar yang telah diselidiki oleh Jabatan Parit dan Taliair, Sarawak di antara Sungai Gigis dan Batang Mukah dibuat satu rancangan menanam padi dengan menggunakan taliair. Kawasan ini telah lama dibuat sebagai rancangan menanam padi secara kecil-kecil sahaja. Sekarang rakyat di situ telah bersetuju tanah mereka dibuat rancangan yang besar dengan dibuat parit dan taliair. Saya berharap pihak yang berkenaan dapat mengambil perhatian segera bagi melaksanakan projek tersebut dan juga saya mengesyorkan supaya di mana terdapat tanjung-tanjung yang sangat berbelit atau berlipat di Batang Balingian, Batang Mukah dan Batang Oya dipotong menjadi terusan supaya air batang sungai yang tersebut itu di waktu bah dapat mengalir dengan cepatnya bagi mengurangkan banjir yang selalu menenggelamkan tanaman terutama padi waktu berbuah yang biasanya dalam bulan Disember dan Januari di sekitar tebing sungai itu yang mana tanahnya sangat rendah.

Saya juga mengesyorkan satu kawasan tepi pantai di antara Kuala Igan dan Kuala Tatau, Sarawak dibuat satu penyiasatan supaya tanah Kerajaan yang masih banyak lagi kosong di

situ boleh dibuka untuk pertanian seperti kacang soya, kacang tanah dan gajus atau tanaman yang dikatakan cash crops secara besar-besaran bagi kepentingan rakyat di kawasan itu di mana selama ini mereka sangat bergantung kepada kerja-kerja sebagai nelayan tepi pantai yang sukar keadaan mereka bagi menambah pendapatan. Dengan adanya satu rancangan baru seperti ini saya yakin kehidupan nelayan yang hidup bergantung kepada hasil perikanan selama ini dapat diperbaiki lagi di samping mereka sebagai nelayan boleh juga di waktu-waktu yang tertentu berusaha di bidang pertanian supaya keadaan ekonomi dan sosial rakyat seperti ini dapat dibaiki ke taraf yang lebih baik lagi setanding dengan keadaan hidup rakyat yang lain yang sudah maju di negara kita ini.

Dengan kesempatan ini juga saya merayu kepada pihak yang bertanggungjawab dan pegawai-pegawai yang berkhidmat di Jabatan Pertanian Negeri Sarawak supaya segala peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat hendaklah digunakan mengikut masa-masa yang tertentu. Janganlah dibeku begitu sahaja sehingga peruntukan itu tidak dibelanjakan untuk segala pembangunan pertanian yang sangat-sangat dikehendaki oleh rakyat yang miskin dan juga bagi memperkuatkan ekonomi negara seluruhnya supaya strategi dan pembangunan pertanian berjalan mengikut apa yang Kerajaan harapkan.

Sebelum duduk saya menyokong peruntukan yang dimaksudkan oleh Kementerian Pertanian ini. Dengan adanya peruntukan ini kita harap negara kita dapat kejayaan lagi di bidang pertanian supaya bahan-bahan makanan rakyat dapat di atasi terutama beras dan ikan serta daging, di samping mendapat tukaran wang luar dari sumber pertanian bagi ekonomi negara.

5.40 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, dalam menyokong

Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pertanian bagi tahun 1978 ini, izinkan saya menyentuh dua tiga perkara.

Pertamanya, berkenaan dengan Kepala P. 24, muka surat 157, Butiran 82 — Rancangan-rancangan Taliair, Selangor.

Projek ini, Tuan Pengerusi, kebetulan keseluruhannya di dalam kawasan pilihanraya saya dan saya sungguh mengambil perhatian berat atas projek ini. Terlebih dahulu saya ucapkanlah terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang juga menitikberatkan dan mengambil perhatian berat supaya projek ini perlu dilaksanakan dan dibuat dengan secara bersungguh-sungguh.

Saya dapati peruntukannya bertambah dari setahun ke setahun. Namun demikian, pada faham saya mengikut pada projek yang telah siap pada satu kawasan di Sawah Sempadan yang berjumlah 5,000 ekar, kalau dengan peruntukan yang sebanyak lebih kurang \$5 juta sahaja pada tiap-tiap tahun maka projek yang seluas 5,000 ekar itu mungkin mengambil masa lebih 10 tahun. Itu belum lagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengan punca-punca air yang patut ditambah lagi, sebab projek ini tidak boleh bergantung kepada satu punca air yang ada sekarang iaitu di Tanjong Malim. Mungkin ada lagi perkara-perkara seperti membina terusan dan sebagainya. Saya berharap peruntukan yang ada ditentukan bagi tahun 1978 itu maka Yang Berhormat Menteri akan revise untuk dapat menitikberatkan projek-projek ini supaya dapat disiapkan segera dalam tempoh kurang daripada 10 tahun. Kerana projek ini telah menjadikan keyakinan petani di kawasan saya iaitu satu projek yang benar-benar dapat menentukan hasil tanaman padi mereka. Keadaan itu sudah menjadi rebutan sekarang. Kalau dibuat di satu kawasan, kawasan lain sudah iri hati dan bekejar-kejar, memberitahu saya yang mereka juga hendak. Itu tentulah tidak ada kemungkinan. Tetapi kalau disusun aturcaranya dengan peruntukan yang sesuai, dengan adanya pegawai yang cukup, saya rasa

masaalah itu dapat diatasi. Saya suka mencadangkan bahawa Kementerian ini patut buat seperti di Rancangan KADA mengadakan jawatankuasa khas ataupun badan khas yang mengelolakan projek tertentu seperti ini. Tidaklah diharapkan tanggungjawab itu kepada Ibu Pejabat Jabatan Parit dan Taliair sahaja tanpa ada jawatankuasa ataupun badan yang khususnya mengelolakan projek itu untuk tujuan diubahsuaikan ataupun diteliti dengan mendalam apakah perkara-perkara yang ada kaitan dengan projek itu supaya dapat disiapkan dengan cara sempurna.

Dalam keadaan sekarang ini saya pastikan iaitu daripada musim yang sudah yang ketbetulan musim panas kerana kurang hujan, projek ini tidak penuh berjaya. Projek ini menggunakan parit-parit fibre glass dan dibina di atas tanah rata, supaya pembekalan air ke sawah padi dengan sistem ini mudah. Pada faham kita sudah barang tentulah bahawa tanah tinggi pun tidak terjejas, tidak akan tergendala mendapat air. Tetapi oleh kerana kolam (reservoir) yang membekalkan air ke dalam parit fibre glass tidak dapat sentiasa mengawal air ke paras maksimumnya maka kemasukan air ke dalam Parit Fibre glass di peringkat kawasan tinggi, tidak upaya dibuat. Itulah di antara masaalah dan kerumitannya untuk dibuat kajian bagi memperbaiki keadaan projek ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, di kawasan yang telah siap tadi yang saya katakan 5,000 ekar itu sungguh sayang sekali kerana tidak dapat digunakan oleh petani dengan begitu baiknya oleh sebab kekurangan pegawai-pegawai untuk membuat penyelenggaraan dan pengelolaaan. Dengan sebab itu projek tersebut tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya. Jadi masaalah pegawai dan kakitangan yang mengelolakan dan menyelenggarakan sesuatu projek yang sudah siap itu pun perlu dilengkapi patut diikuti bersama supaya tidak terbuang masa dan tergendala cara bertanam padi di kawasan itu dari semasa ke semasa.

Beralih saya kepada muka surat 155, Butiran 26 — Kemudahan-kemudahan Keselamatan Tanaman.

Suka saya menarik perhatian dalam Dewan ini, khususnya kepada Yang Berhormat Menteri ialah berkenaan kejadian malapetaka serangga "Bena Perang" yang telah berlaku di kawasan saya. Serangga ini kalau kita tidak tengok sendiri dan saya pun bagi kali pertamanya sungguhpun saya sudah lama duduk di dalam kawasan sawah padi dan mengurus di dalam kawasan sawah padi, maka inilah baru kali pertama berjumpa keadaan serangga yang begitu dahsyat sehinggakan tidak memberi kesempatan dan peluang bagi petani mendapat padi barang segantang daripada luas tanah yang mereka tanam. Begitu dahsyatnya menyebabkan kerugian teruk dialami oleh petani-petani. Apa yang saya hendak tekankan dalam perkara ini, peruntukan yang ada di dalam budget ini ialah sangat sedikit. Dan saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menambah lagi peruntukan ini. Jika berlaku lagi kedua kalinya seperti keadaan yang telah berlaku di Tanjong Karang di tempat-tempat lain, maka tidaklah yang petani itu akan hampa hati. Kata petani, mereka ada kementerian khusus iaitu Kementerian Pertanian tetapi apabila kejadian buruk berlaku menimpa mereka, kemalangan yang begitu dahsyat hasil yang mereka patut terima pada nilai sekarang \$2,000 daripada sekeping tanah seluas tiga ekar tetapi bantuan yang dihulurkan oleh Kementerian cuma \$150 dengan bantuan baja dan benih dan sebagainya, tidak sampai pun \$200 seekar. Ini sangatlah menjauhkan hati. Kemudian mereka terpaksa pula melutut kepada Kementerian lain seperti Kementerian Kebajikan Am dan sebagainya, ini sangatlah mengecilkan hati mereka seolah-olah tidak ada tempat untuk mereka menerima atau mengemukakan untung nasib mereka untuk dibela. Saya mencadangkan seperti yang telah disuarakan oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak iaitu sudah sepatutnya dan sudah sampai masanya petani kita di dalam negara ini tubuhkan satu Tabung Kebajikan Petani

guna dapat menyediakan bantuan apabila berlaku kemalangan dan apa-apa malapetaka yang menimpa kepada mereka.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, mengenai Kepala P. 24, muka surat 160 Butiran 129 — Kerja-kerja Kecil Parit dan Taliair. Di sini saya tumpukan khusus kepada Jabatan Parit dan Taliair supaya diambil perhatian yang berat. Ada satu kawasan di kawasan saya yang sudah lama menanam padi di kawasan itu dan penduduk di situ telah duduk lama lebih kurang hampir 20 tahun, mengerjakan tanah sawah di situ. Tetapi Jabatan Parit dan Taliair ini tidak mengambil indah untuk memberi facilities, kemudahan pembekalan air kepada mereka. Mereka masih lagi mengharapkan kepada rahmat air hujan dan apa-apa air yang ada bertakung di situ. Saya tidak faham, sebab kawasan itu telah mengeluarkan hasil yang baik dan berhampiran dengan kawasan sawah padi yang ada diberikan kemudahan-kemudahan taliair. Jadi apa sebab perkara itu ditinggalkan? Kalau difikirkan sebagai masalah un gazetted dan sebagainya, sangatlah dikesalkan kerana apa yang patut kita ambil perhatian ialah memberikan kehidupan baik kepada petani yang ada di situ. Kawasan ini lebih kurang 300 ekar dan boleh mengeluarkan hasil yang sangat baik. Saya harap kawasan di antara Parit 4 dan Parit 5 di Sungai Besar ini pada tahun hadapan iaitu tahun 1978 dapat diberi facilities yang cukup. Dengan itu tidaklah mereka itu tertinggal sebagai di anak tirikan.

Perkara yang keduanya dalam tajuk yang sama iaitu di leretan itu juga sambungannya daripada Parit 5 sehingga Parit 13 ada satu kawasan yang sudah berpuluh-puluh tahun mereka bercucuk tanam di situ dengan membuat kebun, tempat duduk dan sebagainya. Tetapi malangnya saluran iaitu drainage problem mereka itu tidak diatasi dan ini saya harap Jabatan Parit dan Taliair mengambil perhatian berat dan membuat kajian dan seterusnya memberikan kemudahan-kemudahan untuk mengatasi problem mereka di sana.

Yang ketiga, dalam bahagian itu juga, di Sungai Leman ada satu kunci air laut "tidal gates". Saya sudah membawa jurutera yang berkenaan bersama-sama melihat dan melawat ke tempat itu dan beliau berjanji dengan saya segala urusan akan diambil tindakan tetapi sampai hari ini Insya Allah sudah setahun, tidak ada apa-apa pergerakan. Kunci air itupun sudah hampir ditenggelamkan atau dilarikan oleh air pasang besar. Tidak lama lagi kalau tindakan segera tidak diambil, saya percaya daripada pengalaman saya akan menjadikan satu kerumitan yang amat besar dan merugikan kerana akan menelan belanja yang lebih daripada yang patut dibuat pada hari ini.

Tuan Pengerusi, Kepala P. 24, muka surat 153, Butiran 1 — Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Menurut kata Yang Berhormat Menteri tadi FAMA adalah sungguh menggalakkan iaitu akan mencari pasaran kepada hasil pertanian dalam negara kita. Tetapi saya membawa kepada masalah yang kecil sahaja iaitu masalah di dalam kampung. Di kawasan saya mengeluarkan 100% hasil pertanian, banyak peluang usaha-usaha pertanian dikerjakan di tempat itu dan di samping itu di antara petani ada juga keinginan menjalankan kegiatan perniagaan kecil iaitu perdagangan kecil untuk membawa hasil tanaman mereka untuk dipasarkan keluar. Malangnya keadaan mereka tidak ada outlet, tidak ada tempat yang hendak ditumpukan, selalu dipermainkan oleh orang tengah. Di sini saya rasa mungkin perkara ini berlaku di merata-rata tempat dalam negara ini. Saya berharap FAMA agar dapat mencari outlet bagi peniaga-peniaga kecil terutamanya bagi orang-orang Melayu yang baru hendak berniaga tetapi outlet untuk menghantar atau menyerahkan dan memasarkan perdagangan itu tidak ada tempat. Kadang-kadang kena bawa balik, umpamanya, beli mangga di kampung tetapi apabila dibawa ke Kuala Lumpur terpaksa dibawa balik ke kampung dapat lebih harga daripada yang ada di Kuala Lumpur ini. Kalau keadaan ini dibiarkan

begitu maka saya rasa walau apapun cara FAMA hendak buat seperti adakan Central Marketing dekat daerah umpamanya, tetapi apabila dibawa keluar dan tidak ada tempat outletnya, saya rasa keadaannya tinggal begitu sahajalah.

Akhir sekali iaitu Kepala P. 24 juga, muka surat 166, Butiran 265 — Kemajuan Masyarakat. Oleh sebab penduduk telah ramai, perkembangan begitu pesat saya rasa jumlah penyelia yang ada pada hari ini tidak mencukupi. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan dan saya mencadangkan tiap-tiap kawasan pilihanraya diadakan satu Penyelia Kanan dengan tiga pembantu iaitu mengikut bilangan wakil-wakil Rakyat yang ada dalam negara kita. Dengan keadaan itu saya rasa pembangunan masyarakat dapat dibawa bersama dengan perkembangan dan kemajuan pembangunan negara ini. Dan saya tekankan iaitu mereka ini perlu diberi ilmu pengetahuan yang secukup-cukupnya berkenaan dengan pembangunan negara yang berkembang dari satu masa ke satu masa supaya dapat menyampaikan kepada rakyat jelata apa yang Kerajaan telah buat dan apa kemampuan dan keupayaan Kerajaan dan sebagainya. Dengan itu saya rasa kasih mesra rakyat kepada Kerajaan dapat bertambah baik dan ini boleh memberikan keamanan kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, saya menyokong Anggaran Belanjawan bagi Kementerian ini dengan sepenuhnya.

6.00 ptg.

Tuan Su Liang Yu (Beruas): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh serba sedikit tentang B. 24, Kod 1100, Aktiviti (2) Pertanian, di mana saya nampak peruntukan besar sebanyak \$552.8 juta untuk kemajuan pertanian di negara ini.

Tuan Pengerusi, pertama saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan perlu memberi tanah percuma untuk tanaman

pertanian kepada orang yang berminat. Jika boleh subsidi diberi sebagai pengurangan untuk memajukan lagi pertanian serta sosio-ekonomi rakyat yang kurang pendapatan dan miskin. Dalam hubungan ini Kerajaan juga perlu awasi bahawa ianya tidak boleh mengutamakan satu atau dua tanaman pertanian seperti getah atau kelapa sawit yang kini harganya merosot. Sebaliknya Kerajaan haruslah menimbangkan menumpukan perhatian terhadap tanaman-tanaman lain seperti koko dan biji gajus (cashew nuts). Saya difahamkan bahawa biji gajus mempunyai berbagai kegunaan, khasnya kepada badan. Satu daripadanya ialah mengelakkan kelemahan atau mati pucuk dalam seks kaum lelaki. Jadi tanaman biji gajus ini haruslah diutamakan bukan sahaja dieksport keluar negeri sebagai hasil negara bahkan kegunaan tempatan serta menambahkan pendapatan rakyat.

Kedua, mengenai Aktiviti (2) (b) Parit dan Taliair. Tuan Pengerusi, saya rasa badan ini telah lari dalam tugasnya menyediakan bantuan perlu kepada petani-petani pada masa yang amat memerlukan. Satu contoh yang baik ialah di kawasan Kampung Permatang Janggus, Seberang Perai Utara. Petani-petani di situ bersungut bahawa pihak Jabatan Parit dan Taliair tidak mencuci dan membersihkan parit dan taliair, akibat dari ini petani-petani miskin tidak dapat menanam padi seperti yang dijangkakan kerana air dari hujan lebat tidak mengalir dan merasai kerugian besar. Dari sini perlulah pihak Jabatan Parit dan Taliair menjalankan tugasnya secara bertanggungjawab supaya kemajuan dalam pertanian negara dapat tercapai. Hal sebegini bukan sahaja terdapat di satu tempat tetapi beberapa tempat yang lain. Saya menyeru kepada Kerajaan bahawa peruntukan besar sebanyak \$5.4 juta bagi JPT akan sia-sia sahaja jika pihak JPT tidak menjalankan tugasnya seperti dikehendaki.

Akhirnya, tentang Aktiviti (3) (a) Perikanan. Saya telah menyuarakan beberapa kali bahawa Kerajaan mengeluarkan lebih lagi

lesen-lesen kepada nelayan di negara ini. Terdapat kini ramai orang yang menganggur kerana permohonan bagi lesen pukut tunda ditolak tanpa sebab-sebab tertentu.

Satu perkara lagi ialah tentang Komplek Perikanan yang harus didirikan di merata-rata tempat supaya nelayan-nelayan dapat menerima keuntungan yang patut untuk perkhidmatan mereka dan tidak tertipu oleh orang tengah. Dalam hubungan ini saya ingin menarik perhatian Kerajaan terhadap harga ikan yang kian melambung tinggi sehingga orang miskin menganggap ikan sebagai satu commodity makanan kemewahan. Pada masa dahulu daging dianggap mahal, oleh itu orang ramai menggantikan daging dengan ikan kerana ianya bukan murah tetapi juga mengandungi zat protein yang sama tetapi kini keadaannya adalah berlainan. Jadi, saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengawasi perikanan dengan mengawal harga ikan daripada melambung tinggi supaya lebih orang miskin akan makan setiap hari.

Tuan Pengerusi: Dua orang Ahli Yang Berhormat akan saya beri peluang dan lepas itu saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Ahli Yang Berhormat dari Jerai..

6.04 ptg.

Tuan Sanusi bin Junid (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan perkara P. 24, Butiran 2 — Bank Pertanian Malaysia. Saya mengucapkan tahniah kepada Bank Pertanian Malaysia atas peranan yang telah dimainkan olehnya selama ini untuk membangunkan sektor pertanian di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya dapati di sini ada peruntukan \$35,200,000 yang saya kira bagi sesebuah bank yang mempunyai peranan yang begitu besar adalah satu jumlah yang kecil. Saya memandang kepada bank sebagai satu sistem. Bank Pertanian khususnya merupakan satu sistem yang dapat memutar-balikkan sistem-sistem yang ada pada bank-bank lain.

Maksud saya, kita ada di negara ini umpamanya bank-bank yang mempunyai cawangan di seluruh negara di mana cawangan-cawangan bank ini yang kebiasaannya duduk di kawasan-kawasan luar kota-kota besar, kerjanya memungut simpanan-simpanan yang simpanan itu nanti dibawa ke kota-kota besar untuk industri-industri sekitar kota. Selain daripada bank-bank yang membuat demikian kita lihat Tabung Haji umpamanya dan juga Bank Simpanan Nasional antara tugasnya ialah mengumpul wang yang datang dari luar bandar untuk dibawa ke sektor-sektor industri sekitar kota. Ini adalah proses yang mengeringkan wang dari luar bandar tetapi dengan adanya Bank Pertanian maka kita mungkin dapat mengadakan satu reverse process seandainya kita memberi kepada Bank Pertanian permit untuk menjalankan perniagaan bank perdagangan di mana Bank Pertanian dapat membuka cawangan-cawangan di kota-kota untuk terima deposit, kira-kira semasa, current account, kira-kira simpanan dan kira-kira simpanan tetap yang wang dari kota ini dapat dikembalikan keluar bandar untuk menafaat mereka yang berada di dalam sektor pertanian. Saya fikir bukan sekadar Bank Pertanian perlu diberi izin untuk memulangkan kembali wang yang banyak di kota ke daerah-daerah desa malah perlu ada mungkin Bank Perikanan, Bank Pengguna dan berbagai-bagai macam bank lagi kalau kita mahu pusingkan balik semoga wang yang dipungut oleh ranting-ranting bank dan lain-lain cawangan badan-badan yang membawa wang ke kota untuk dikembalikan wang itu ke desa kerana kita tahu di mana banyak wang di situlah banyak peluang dan kalau sistem kita hanya sekadar membawa wang untuk dikumpulkan di dalam fund pusat seperti Bank Simpanan Nasional untuk digunakan bagi membeli Treasury Bills, untuk membiayai projek-projek jalan, saya fikir wang yang begini perlu dikembalikan ke desa tempat ianya datang kerana di situ orang-orang lebih memerlukan wang yang demikian.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Lembaga Pertubuhan Peladang,

Butiran 7 atas usaha-usaha yang telah dilakukan. Saya rasa Lembaga Pertubuhan Peladang ini perlu dibesarkan. Pegawai-pegawainya saya fikir cukup teruk tetapi tugasnya masih belum selesai. Tidak mungkin kita mengharapkan lebih tinggi productivity walau apa juga motivasi ataupun apa juga kursus yang diberi tentu ada optimumnya. Oleh itu, Lembaga Pertubuhan Peladang perlu dibesarkan dan saya kira \$26 juta terlalu kecil untuk menyelesaikan masaalah yang begitu besar. Walau bagaimanapun, saya berharap Lembaga Pertubuhan Peladang perlu memikirkan secara integrated sebagaimana rencana asal. Dahulu bila saya dengar waktu mahu diadakan Rancangan Malaysia Pertama ada ura-ura bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang ini mempunyai consumer function, credit function, macam-macam fungsi lagi tetapi sekarang kerana mungkin terlalu sedikit pegawai ataupun mungkin terlalu terbatas belanja maka satu program yang begitu indah telah tergendala sehinggakan kita lihat masih banyak petani-petani yang berada di luar Lembaga Pertubuhan Peladang.

Dahulu apabila saya membuat ucapan di dalam Dewan ini mengenai Malay Capitalism ataupun Kapitalis Melayu, saya lihat setelah itu, kerana saya sebut wang perlu lebih banyak kepada kalangan petani, ada bank-bank yang buat Press Statement kononnya tidak cukup peminjam. Ada bank yang mengatakan wang yang melimpah-limpah. Saya fikir hanya stupid bankers atau bankers yang bodoh yang tidak dapat meminjamkan wang. Tidak mungkin perkara seperti wang tidak dapat dijual. Saya fikir kalau kita buka kedai wang dalam hutan pun orang datang, tidak mungkin kita jual wang tidak ada orang yang membeli wang. Jadi saya fikir kalau masih terlalu banyak wang yang belum dipakai maka perlu kita cari sebab-sebab kenapa pinjaman-pinjaman yang sepatutnya dikeluarkan kepada sektor pertanian ini masih belum digunakan. Saya harap pihak Lembaga Pertubuhan Peladang dan amnya pihak Kementerian Pertanian akan memikirkan satu program mungkin untuk mengadakan satu

Registry of Farmers Debts ataupun satu Jabatan Pendaftaran Hutang-hutang Petani dan kita beri masa 5 bulan untuk semua orang yang ada "I.O.U." dan sebagainya yang berhutang kepada money lenders yang menjadi penghisab darah kepada petani-petani untuk mendaftarkan dan kalau dalam masa 5 bulan dia tidak daftar hutang petani, kita batalkan (nullify) semua hutang-hutang lapuk supaya hutang petani ini dapat kita awasi pada setiap masa.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 8 MADA, saya mengetahui bahawa ampangan di Muda sekarang ini tingkatan airnya di tingkatan ketinggian yang paling rendah dalam sejarah ampangan itu. United Nations experts yang baru pulang dari Kedah akan buat recommendations supaya air dalam ampangan itu dilepaskan kerana tahun ini takdir Tuhan musim ini air tidak cukup, di musim hujan air tidak cukup. Kalau kita lepaskan air di Ampangan Muda yang sememangnya sudah di paras yang paling rendah bererti di musim kemarau bulan April dan Mei kita akan menghadapi keadaan tidak punya air di musim kemarau. Pada waktu itu dari segi pemikiran biasa mungkin kita dapat duduk dengan tenang. Kenapa? Kerana kita rasa kita tak usaha air di musim April dan biar sahaja tunggu untuk Ogos nanti hujan datang dan kita lepas air kembali, semoga kita kembali kepada keadaan normal untuk April tahun 1979. Tetapi, Tuan Pengerusi, bagi petani kalau sekarang kita tidak fikirkan, bererti yang sudah langsung hutang berhutang kembali kepada lintah darat yang berhutang kerana mati keluarga. Sudah selesai hutang, berhutang lagi kalau mati keluarga; kalau ada yang mahu diijab kabul berhutang lagi kerana tidak cukup belanja; kalau ada yang mati, kalau datang lagi bina perang, ataupun datang sahaja apa penyakit, apa penyakit sekali pun petani-petani di dalam Negeri Kedah dan Perlis akan menghadapi bala yang paling besar, kalau dari sekarang kita tidak adakan persiapan otomatis modal ataupun modal dari sumber lain, credit dari sumber lain semoga mereka tidak kembali kepada keadaan asal,

kerana pada perhitungan saya yang cetek kalau mereka kembali kepada money lenders mungkin masa 5—6 atau 7 tahun lagi sebelum mereka dapat dibebaskan.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang merbahaya yang sedang berlaku di kawasan pertanian perlu mendapat perhatian ialah sekarang sudah ada anak-anak muda yang lulusan universiti yang bapa dan ibunya dan di kampung anaknya kerja di kota, anak ini mengirang wang kepada ibubapa mereka untuk membeli tanah-tanah bendang. Dengan sendirinya petani-petani yang tidak ada punya anak lulusan tinggi, kalau menghadapi masalah, mereka akan menjual tanah mereka. Satu problem berlaku atas keluarga. Lepas itu mereka datang kepada pemerintah minta tanah FELDA, lagi problem kita hadapi. Ini ialah kerana tidak ada control kepada transaction ataupun penjualan tanah di desa. Saya ingin supaya Kementerian ini memikirkan semula apakah free enterprise kita ini lojik untuk kawasan-kawasan desa. Dalam kawasan pilihanraya saya sendiri saya lihat masalah ini kerana sudah ada lahir di dalam kawasan saya orang-orang kaya baru. Setengah dari anak-anak mereka revolutionist di universiti-universiti tetapi setelah keluar mereka tidak lagi memikirkan masalah petani di kawasan sana. Ini bukan kepada semua tetapi kepada sebahagian daripadanya.

Tuan Pengerusi, muka 166 Butiran 280 Kemajuan Koperasi sebanyak \$833,300 ini jumlah yang sangat menitis air mata, sedangkan untuk Perusahaan Haiwan Kebangsaan ataupun untuk Perusahaan Binatang Kebangsaan sebanyak \$500,000 tidak sampai dua kali ganda perbezaan antara urusan binatang dengan urusan manusia. Saya harap Koperasi ini diberi perhatian kerana sekarang ini sudah lahir satu kesedaran baru (new consciousness), orang-orang MCA pun sudah berfikir koperasi, sudah buat Multi-purpose Cooperative atau Koperasi Serbaguna. MIC sudah lebih dahulu buat Koperasi National Land Finance. UMNO baru-baru ini pula buat Koperasi Bersatu. Bererti makin lama makin sampai kita

ke akhirnya waktu Dasar Ekonomi Baru saya fikir koperasi ini menjadi lebih penting apabila ada kesedaran-kesedaran baru. Oleh itu, perlu di lain kali hendaknya belanja untuk Koperasi lebih daripada \$833,300.

Saya lihat banyak belanja-belanja untuk research. Research ini adalah mencari akal untuk program yang akan datang. Yang pentingnya ialah melaksanakan program-program yang sudah ada, bukan research tidak penting, tetapi research ialah untuk program yang akan datang. Yang sudah ada seperti Kemajuan Koperasi perlu diperhebatkan kerana saya yakin bahawa kita dapat menyelesaikan banyak masalah melalui program-program koperasi. Jabatan Koperasi perlu menambah pegawai-pegawainya khususnya di bidang odit supaya kita dapat lebih menyempurnakan urusan-urusan koperasi di negara ini.

Teguran-teguran saya ini adalah dengan niat baik untuk mencari penyelesaian kepada masalah penderitaan umat. Tidak ada niat di hati untuk memperkecil-kecilkan usaha satu Kementerian yang paling dekat di hati saya dan saya berdoa semoga Menteri, Timbalan Menteri dan kesemua pegawai-pegawai di dalam Kementerian ini diberi taufik dan hidayat untuk menyelesaikan masalah besar yang dihadapi oleh umat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Telok Anson bolehlah berucap sehingga ditamatkan pada hari ini. Yang Berhormat Menteri boleh menjawab pada hari esok.

6.19 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, pada mulanya saya ingin menyentuh muka surat 157, Butiran 81 Rancangan-rancangan Mencegah Banjir, Perak. Walaupun rancangan-rancangan mencegah banjir adalah tanggungjawab Kementerian ini, tetapi malangnya bandar Telok Anson tidak mendapat apa-apa pertolongan daripada Kementerian ini. Sebaliknya, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Telok Anson

satu bandar yang tidak ada kewangan yang mencukupi, tidak ada pegawai-pegawai yang berkelayakan, tidak ada jentera-jentera yang sesuai, cuba mengatasi masalah-masalah bank banjir itu, tetapi tanpa apa-apa kejayaan. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengambilalih kuasa untuk memelihara dan membaiki bunds di sekeliling bandar Telok Anson itu. Saya ingin mengulangi di sini Telok Anson adalah sebuah bandar di Raja dan tidak patut dibiarkan begitu sahaja.

Saya dapat melihat di bawah Kepala B. 81, satu peruntukan sebanyak \$570,000 telah di-untukkan bagi Negeri Perak dan saya berharap satu bahagian besar daripada per-untukan itu dapat digunakan untuk mengatasi masalah banjir di bandar Teluk Anson.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap juga di bawah Kepala B. 24, muka surat 147, Butiran 110, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan juga di muka surat 164, Butiran 222 — Tangkapan Ikan Cara Moden. Saya hendak menyentuh tentang keluaran lesen baru pukut hanyut bagi bot-bot perikanan di Negeri Perak.

Saya mengakui langkah-langkah tertentu harus diambil berkenaan operasi pukut tunda atau pukut hanyut untuk memastikan pendapatan yang berpatutan bagi nelayan-nelayan, mencegah pertikaian, kehabisan sumber-sumber laut dan lain-lain lagi. Akan tetapi cara yang diambil untuk mengeluarkan lesen baru bagi pukut hanyut di Negeri Perak adalah sangat kurang memuaskan dan harus ditinjau dengan teliti.

Saya difahami bahawa dalam enam bulan yang lalu, hanya satu atau dua lesen baru pukut hanya telah diluluskan, sungguhpun permohonan ada berpuluh-puluh banyaknya. Sebab-sebab untuk menolak permohonan-permohonan itu adalah kerana Pejabat Perikanan mencuriga dan menganggap lesen-lesen tersebut akan digunakan untuk pukut tunda. Ini boleh diibaratkan menolak suatu permohonan permit lori haulage kerana

pemohon mungkin menggunakan lori itu untuk penyeludup dan perbuatan-perbuatan haram. Seseorang telah terhukum sebelum dia melakukan jenayah, dan pada fikiran saya, ini adalah sangat tidak adil.

Saya diberitahu bahawa kuasa bijaksana (discretionary power) untuk mengeluarkan lesen-lesen baharu itu adalah dalam tangan seorang pegawai sahaja. Saya tidak tahu apakah garis panduan bagi pegawai itu untuk mempertimbangkan permohonan-permohonan supaya dia tidak menyalahgunakan kuasa itu. Tetapi pada anggapan saya kuasa itu tidak patut diberi kepada seorang pegawai sahaja. Oleh yang demikian, saya mencadangkan keputusan mengeluarkan lesen baru ini diputuskan oleh sebuah Jawatankuasa. Dengan cara ini, saya harap lebih lesen baru dapat ditimbang dan dikeluarkan.

Adalah benar nelayan-nelayan kita ialah satu golongan yang sangat kurang bernasib baik dan melarat. Mereka bukan sahaja diakui sebagai salah satu daripada golongan yang miskin sekali, tetapi mereka juga menghadapi kesulitan alam dan kesulitan perbuatan manusia dalam usaha mereka untuk mencari kehidupan. Mereka menghadapi cuaca buruk, harga rendah bagi tangkapan mereka di-eksploitasikan oleh orang-orang tengah dan halangan-halangan jabatan. Kerajaan harus mencari jalan untuk menolong golongan nelayan ini. Saya harap langkah-langkah berikut akan ditimbang dengan seriusnya oleh Kerajaan:

1. Salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan kita ialah terlalu banyak nelayan menangkap ikan dalam kawasan laut (water limit) yang sama. Oleh yang demikian, saya mencadangkan nelayan-nelayan digalakkan menangkap ikan di lautan dalam. Mereka patut diperuntukkan dengan latihan moden, diberi pengetahuan teknikal dan diberi bantuan kewangan untuk mendapat kelengkapan moden. Penangkapan ikan di lautan dalam adalah suatu bidang yang

belum dieksploitasikan oleh nelayan-nelayan kita dan Kerajaan patut mengambil perhatian berat tentang perkara ini.

2. Memperuntukkan mereka dengan tanah supaya mereka boleh mendapat pendapatan tambahan sebagai petani.
3. Mereka diberi tanah yang sesuai untuk menternak ikan air tawar.

Akhirnya saya juga ingin meminta Kerajaan supaya mengkaji semula keadaan bekalan ikan atau dasar kita untuk membenarkan hasil laut kita diekspotkan dengan bebasnya. Walaupun beberapa langkah telah diambil baru-baru ini Johor Bahru untuk mengawal pengekspotan ikan, adalah masih benar bahawa banyak penduduk kita tidak mampu membeli ikan-ikan yang lebih baik (berkualiti) kerana harganya terlalu tinggi. Adalah mustahil bahawa rakyat kita sendiri tidak mampu memakan ikan-ikan atau udang-udang yang dihasilkan daripada pantai atau laut kita sendiri, tetapi dimakan oleh rakyat dari negara-negara asing sahaja. Keadaan ini patut dikaji semula. Kita mestilah menentukan perseimbangan (to strike a balance) antara pendapatan ekspot dan kesihatan umum serta enjoyment rakyat kita.

Tuan Pengerusi: Masa ada sedikit lagi. Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

6.26 ptg.

Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, perbincangan yang dibangkitkan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah panjang dan saya tidaklah bermaksud hendak menjawab point demi point, tetapi saya akan ambil beberapa perkara secara prinsipnya yang akan saya jawab dan selain daripada itu mana-mana perkara dan point-point yang saya tidak jawab dengan tepat, maka itu adalah diambil perhatian oleh Kementerian untuk dikaji dan ditimbang dan mana yang dapat kita jalankan, kita akan jalankan.

Perkara yang mula-mula ditimbulkan ialah masalah maintenance ataupun menjaga bunds, taliair dan sebagainya daripada terbiar. Masalah ini memanglah masalah yang benar berlaku. Ini bukanlah oleh kerana pegawai-pegawai di Jabatan Parit dan Taliair cuai menjaga apa-apa yang hendak dibina itu, tetapi oleh kerana desakan kerja pegawai-pegawai yang ada itu adalah masih kurang dan juga rancangan-rancangan baharu yang dikehendaki oleh rakyat adalah bertambah banyak dari tahun ke setahun sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahkan dalam tahun 1978 peruntukan Rancangan Parit dan Taliair ini adalah bertambah, bertambah-tambah banyak maka dalam masa hendak menampung kehendak ataupun hasrat rakyat, maka pegawai-pegawai Jabatan Parit dan Taliair terpaksa banyak menghabiskan masanya membuat rancangan-rancangan yang baharu. Jadi oleh kerana itu rancangan-rancangan yang telah siap sedia itu terpaksa kurang sedikit perhatiannya dalam perkara maintenance. Ini memanglah disadari dan dalam masa saya berjumpa dengan pegawai-pegawai Jabatan Parit dan Taliair, kita menghadapi perkara kekurangan pegawai dan perkara kekurangan ini kita akan ikhtiarkan untuk mengatasinya yakni untuk menambahkan pegawai. Soal menambah pegawai ini ada dua masalah. Pertama sekali untuk mendapatkan jawatannya (posts) daripada persetujuan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain, dan yang keduanya setelah mendapat jawatan itu, maka dikehendaki pula untuk mendapat orang yang mempunyai kelulusan yang cukup. Ini merupakan satu masalah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Jumaat, 2hb Disember, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.